



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 30

RABU 27 JULAI, 1988.

1408 رابو 13 ذوالحجة

PERCUMA

*Dirgahayu Kebawah
Duli Tuan Patik
Allah Selamatkan Kebawah D.Y.M.M.*



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyaksikan pameran ulam-ulaman sempena hari keputeraan baginda di Daerah Tutong. — Gambar oleh Harun Rashid.

MANISNYA IMAN

"APABILA datang pertolongan Allah dan kemenangan semasa engkau (wahai Muhammad) berjaya menguasai negeri Mekah, dan engkau melihat manusia masuk dalam Agama Allah berduyun-duyun (beramai-ramai)." — Maksud Surah Al-Ansar ayat 1 — 2.

Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Mohammad Husni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir bersempena dengan Hari Kebang-

saan Republik Arab Mesir pada 23 Julai, 1988.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menghantar perutusan yang sama kepada

Semua pegawai dan kakitangan kerajaan diseru Tingkatkan mutu perkhidmatan — titah

PEKAN TUTONG, 20 Julai. — Semua pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah terus meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing dan sentiasa memelihara hubungan yang baik dengan orang ramai khususnya bagi jabatan-jabatan yang selalu dihubungi oleh orang ramai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengulangi saranan baginda itu kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan baginda di Daerah Tutong di Istiadat Mengadap bagi memperingati hari puja usia baginda ke-42 tahun di Dewan Kemasyarakatan di sini.

"Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah ini, beta ingin mengulangi saranan beta baru-baru ini, iaitu supaya semua pegawai dan kakitangan kerajaan untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing dan sentiasa memelihara hubungan yang baik dengan orang ramai, khususnya bagi jabatan-jabatan yang selalu dihubungi oleh orang ramai," titah baginda.

OLEH ABD. KARIM HAB

Baginda juga menekankan perlunya para pegawai dan kakitangan kerajaan baginda mengekalkan disiplin serta etika kerja yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

"Disiplin bukan sahaja diperlukan di kalangan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei tetapi juga bagi seluruh pegawai dan kakitangan dalam setiap jabatan termasuk disiplin pada mematuhi peraturan-peraturan bekerja dan peraturan-peraturan kerajaan pada amnya," titah baginda.

Kepada rakyat dan penduduk Daerah Tutong, baginda merakamkan penghargaan di atas kerjasama yang mereka berikan kepada kerajaan baginda khususnya dalam usaha memelihara keamanan dan ketenteraman di daerah ini.

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

DALAM usaha untuk menanamkan semangat berdisiplin di kalangan generasi muda di negara ini, ibu bapa, guru-guru dan pemimpin-pemimpin masyarakat adalah merupakan tiga rangkaian utama yang bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam memastikan disiplin yang dimaksudkan itu ditanamkan kepada anak-anak dan juga generasi-generasi muda.

Dititahkan semasa Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada 2 Mac, 1988.



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

27 JULAI, 1988

Dengan nama Allah Yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang

MENJAGA KEAMANAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

KEAMANAN merupakan faktor yang sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Tanpanya segala yang dirancang dan dicita-citakan mungkin tidak akan dapat berjalan dengan sempurna apatah lagi untuk mencapai dan menikmati suasana kehidupan yang harmoni, bahagia dan selesa.

Kerana itulah betapa mustahaknya kita menjaga dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman yang sedia kita nikmati di negara ini. Dengan wujudnya keamanan itu ia telah membolehkan kita melaksanakan berbagai rancangan kemajuan negara yang semata-mata untuk faedah dan kesempurnaan hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan perkara ini. Dalam titah baginda sempena sambutan hari perayaan keputeraan baginda yang ke-42 tahun baginda antara lain menyeru rakyat dan penduduk negara ini bekerjasama memelihara dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

Sehubungan dengan itu baginda mengingatkan supaya kita sentiasa berwaspada dan mengambil perhatian berat terhadap pendatang-pendatang haram dan anasir-anasir yang ingin menyebarkan diayah-diayah palsu yang tidak bertanggungjawab yang boleh menggugat keamanan dan ketenteraman negara.

Ingatan baginda ini adalah sangat wajar diambil perhatian, walaupun dewasa ini kita sedang menikmati suasana yang aman damai lagi bahagia. Tetapi kita hendaklah sentiasa berwaspada, tidak lalai, sentiasa sensitif terhadap keadaan sekeliling, sikap pemadulian, tidak camah mata dan tidak berat buku apabila melihat kejadian-kejadian yang tidak diingini yang difikirkan boleh mengganggu keamanan dan ketenteraman negara ini.

Sehubungan dengan itu, di dalam menjaga kepentingan dan keselamatan awam, baginda bertitah, undang-undang negara tidak akan bertolak ansur dalam perlaksanaannya terutama sekali terhadap penjenayah-penjenayah. Memandangkan meningkatnya kes-kes jenayah, sudah sampai waktunya bagi hukuman sebat dan rotan secara mandatori, dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah di negara ini. Ke arah ini, Kementerian Undang-undang telah pun mengambil langkah-langkah awal bagi perlaksanaannya.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan pula baginda bertitah mengulangi seruan baginda supaya mereka sentiasa mengamalkan sikap pemadulian kepada masalah atau sungutan-sungutan orang ramai dan mengamalkan sikap bersopan-santun dan memberikan layanan yang baik kepada aduan-aduan atau masalah-masalah yang dihadapi. Sambil itu pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan juga diingatkan supaya sentiasa bersifat jujur, amanah serta ikhlas dalam menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas mereka sehari-hari sambil meningkatkan prestasi dan mutu kerja masing-masing.

Dalam masa yang sama ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan juga diingatkan supaya memberi dan menyebarkan maklumat yang difikirkan perlu dan berfaedah untuk diketahui oleh orang ramai mengenai sebarang usaha kerajaan yang melibatkan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini bagi menghindarkan mereka dari terdedah kepada diayah-diayah palsu yang datang daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warah-
matullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas segala limpah rahmat-Nya jua yang mengizinkan kita hadir beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Dengan ikhlas, beta ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini yang telah berpenat-lelah menyusun berbagai acara sambutan perayaan ulangtahun hari keputeraan beta di daerah ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka semua.

Sebagaimana beta tegaskan baru-baru ini, adalah mustahak untuk rakyat dan penduduk di negara ini amnya, dan di daerah ini khususnya, untuk terus memelihara dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman yang sedang kita nikmati, yang mana telah membolehkan kerajaan melaksanakan projek-projek kemajuan negara dan rancangan-rancangan yang berkebaikan bagi rakyat dan penduduk di daerah ini. Begitu juga adalah penting untuk kita berwaspada pada mengambil perhatian berat terhadap pendatang-pendatang haram dan anasir-anasir yang ingin menyebarkan diayah-diayah palsu yang tidak bertanggungjawab yang boleh menggugat keamanan dan ketenteraman negara.

KEKALKAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN

barkan dakyah-dakyah palsu yang tidak bertanggungjawab bagi menggugat keamanan dan ketenteraman negara.

Dengan wujudnya suasana harmoni dan kestabilan ekonomi, sosial dan politik di negara ini, kerajaan, menerusi Rancangan Kemajuan Negara, telah dapat melaksanakan berbagai projek yang bermanfaat bagi daerah ini. Rancangan Bangunan Pejabat Kerajaan Daerah Temburong telah pun selesai pembinaannya dan diharap akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertugas di daerah ini. Sementara itu, rancangan pembekalan air yang bertujuan untuk meningkatkan pembekalan air dari setengah juta kepada satu perpuluhan dua juta gelen sehari, sedang dilaksanakan. Beta juga gembira pada mengetahui bahawa pembinaan 28 buah rumah bagi fasa satu, dan kerja-kerja tanah serta infrastruktur bagi fasa dua, Rancangan Perumahan Negara Kampong Rataie, sedang dijalankan. Beta berharap dengan terlaksananya rancangan-rancangan ini nanti akan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di daerah ini.

Bagi mengakhiri ucapan beta ini, beta ingin menyeru seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini, supaya akan terus memupuk semangat



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap sempena menyambut ulangtahun hari keputeraan baginda ke-42 tahun bagi Daerah Temburong pada 18 Julai, 1988.

tolong-menolong, hormat-menghormati dan faham-memahami di antara satu dengan yang lain dan sentiasa memberikan kerjasama yang

erat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah ini, khususnya dalam memelihara keamanan dan ketenteraman di daerah ini.

Sentiasa pelihara hubungan baik dengan orang ramai



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap sempena menyambut ulangtahun hari keputeraan baginda ke-42 tahun bagi Daerah Tutong pada 20 Julai, 1988.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warah-
matullahi Wabarakatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas izin dan rahmat-Nya jua, kita dapat hadir beramai-ramai sekali lagi di istiadat yang indah permai pada pagi ini.

Dengan perasaan tulus ikhlas, beta sukacita mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan di daerah ini yang telah menyumbangkan buah fikiran dan tenaga bagi menyusun rancangan-rancangan sempena perayaan hari keputeraan beta yang ke-42 bagi daerah ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan memberikan ganjaran yang setimpal kepada mereka itu.

Di majlis yang berbahagia ini, beta juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakyat dan penduduk di daerah ini, di atas ker-

jasama yang mereka berikan kepada kerajaan, khususnya dalam usaha untuk memelihara keamanan dan ketenteraman di daerah ini. Dengan wujudnya suasana keamanan dan ketenteraman ini, telah membolehkan pula, dengan izin Allah, kerajaan beta melaksanakan berbagai rancangan kemajuan bagi faedah rakyat dan penduduk di daerah ini, yang mana termasuklah Rancangan Perumahan Negara di Bukit Beruang yang sedang giat dilaksanakan. Dalam hubungan ini, beta ingin menegaskan bahawa di dalam melaksanakan sesuatu rancangan kemajuan itu, ianya adalah dinilai dan dilaksanakan menurut keutamaannya dengan tidak membezakan antara satu kawasan atau daerah dengan kawasan atau daerah yang lain.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah ini, beta ingin mengulangi saranan beta baru-baru ini, iaitu supaya semua pegawai dan kakitangan kerajaan untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing dan sentiasa memelihara hubungan yang baik dengan

Lihat muka 14

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersabda bahawa kini saatnya sudah tiba untuk memulai suatu pertemuan, dan Mesyuarat Informal Jakarta (Jakarta Informal Meeting — JIM) adalah suatu langkah pertama yang betul.

"Langkah pertama memang suatu yang paling sukar tetapi jika sudah diambil, momentum akan dapat dibina sehingga konflik Kampuchea ini diselesaikan," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke-21 di Bangkok 4 Julai lalu ketika menyentuh mengenai dengan isu Kampuchea yang sudah memasuki tahun kesepuluh.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengemukakan niat Vietnam mengundurkan 50 ribu tentera mereka dari Kampuchea sehingga penghujung tahun ini.

Di samping menghargai kesediaan Vietnam dan empat faksi di Kampuchea untuk berjumpa di JIM ini.

RANGKA PERSEFAHAMAN

"Rancangan JIM merupakan usaha penyandaran kembali atas 'Ho Chi Minh Understanding', kerana ia adalah satu-satunya rangka yang dapat diterima bagi terlaksananya kembali suatu dialog menyeluruh bagi tercapainya huraian konflik di Kampuchea," kata Menteri Luar Indonesia, Tuan Yang Terutama Ali Alatas di mesyuarat tersebut.

Ucapannya itu dihubungkan dengan perkembangan sebelumnya yang mana Ketua Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK) Putera Norodom Sihanouk telah berjumpa dengan Hun Sen dua kali di Paris.

Bagaimanapun, perjumpaan itu tidak memberikan suatu keputusan terhadap masalah Kampuchea.

Sementara itu Yang Berhormat Dato Haji Abu Hassan bin Haji Omar, Menteri Luar Malaysia berkata, kesudian Vietnam dan empat faksi di Kampuchea untuk datang ke Jakarta adalah permulaan dari usaha yang sungguh-sungguh dalam menghuraikan masalah Kampuchea.

"Diharapkan semua pihak yang terlibat tidak akan meniggalkan halangan ke arah huraian masalah yang telah dilakukan secara hati-hati itu," katanya.

Yang Berhormat itu menambah, semua pihak yang berkepentingan atas keamanan dan kemandapan di rantau ini harus memberikan dukungan pada proses JIM. Kerana keamanan dan kemandapan dalam hal yang penting bagi Asia Tenggara.

KERJA TEKUN

Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina, Tuan Yang Terutama Raul S. Manglapus berpendapat bahawa JIM adalah usaha yang sangat beralasan bagi tercapainya huraian konflik di Kampuchea.

"JIM merupakan hasil kerja yang tekun dan bersungguh-sungguh yang telah dilakukan oleh Indonesia sebagai interlocutor ASEAN," kata Menteri Luar Singapura, Tuan Yang Terutama Suppiah Dhanabalan.

Kehadiran Vietnam di Jakarta sekaligus merupakan satu ujian bagi Vietnam, kata Tuan Yang Terutama Suppiah Dhanabalan, apakah Vietnam sungguh-sungguh ingin suatu tolak ansur atau sekadar merupakan sebahagian taktik Vietnam bagi mengalihkan perhatian dunia.

Manakala itu Menteri Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Siddhi Savetsila berkata, perkembangan atas masalah Kampuchea telah mencapai tahap yang peka.

"Kita harus memelihara dukungan antarabangsa terhadap usaha ASEAN dalam berbagai dimensi, termasuk menghadapi Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu nanti," katanya di mesyuarat itu.

Ia juga memuji sikap para pemimpin Vietnam yang dinilainya sekarang ini mempunyai sikap yang lebih konstruktif hinggakan pelbagai perbezaan pendapat yang fundamental dapat disisihkan.

SOKONGAN PENUH

Jelaslah pada kita bahawa ASEAN memberi sokongan dan dukungan sepenuhnya pada JIM.

Mesyuarat Informal Jakarta atau JIM amat penting dalam usaha wujudnya perdamaian di Kampuchea. Kerananya, ASEAN menyambut baik kesediaan Vietnam dan seluruh faksi di Kampuchea untuk terlibat dalam JIM ini.

ASEAN menilai penglibatan mereka adalah hal yang penting bagi kejayaan JIM dalam men-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (berdiri lima dari kiri) sedang bergambar ramai dengan para Menteri Luar ASEAN serta para Menteri Luar, negara rakan-rakan dialog dari Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Australia, New Zealand dan Masyarakat Eropah (EC) sebelum bermulanya persidangan para Menteri Luar ASEAN dengan rakan-rakan dialog di Bangkok pada 7 Julai lepas.

OLEH MOHD. SALLEH ABD. LATIF
GAMBAR OLEH AMAT MOKSIN

capai suatu huraian politik mengenai masalah Kampuchea.

JIM adalah penting sebagai suatu titik penentu bagi huraian masalah Kampuchea bagi jangka panjang sesuai dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia pada majlis penutup Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Bangkok pada 5 Julai, "Kita secara berhati-hati begitu optimis dalam pencarian kita yang berterusan bagi penyelesaian politik yang komprehensif dan kekal kepada masalah Kampuchea."

LATARBELAKANG JIM

Elok kita tinjau tentang latarbelakang JIM ini. Pada asasnya JIM adalah warisan dari gagasan pertemuan koktil (Cocktail Party) yang dicetuskan oleh bekas Menteri Luar Indonesia, Tuan Yang Terutama Mokhtar Kusumaatmadja menerusi diplomasi yang begitu panjang.

Ketika ia melawat ke Ho Chi Minh City (dulu Saigon) pada 27 — 29 Julai tahun lalu, gagasan pertemuan koktil telah dirumuskan dalam 'Ho Chi Minh Understanding' yang antara lain mengusahakan suatu perjumpaan informal antara kelompok Kampuchea yang bermusuhan (regim Heng Samrin dengan tiga kelompok pejuang Kampuchea yang bersatu dalam Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea — OGDK), serta perjumpaan dengan negara-negara yang terlibat dalam masalah Kampuchea.

Perjumpaan itu menurut Ho Chi Minh Understanding mestilah juga dilakukan atas dasar persamaan darjat tanpa syarat dan tanpa kepentingan politik.

Namun, ada sebuah negara anggota ASEAN begitu keberatan dengan Ho Chi Minh Understanding itu kerana beranggapan terlalu menguntungkan Vietnam.

Lalu bekas Menteri Luar Indonesia itu berusaha secara intensif yang ketika itu selaku interlocutor atau jururunding ASEAN, sehingga terciptalah gagasan JIM sebagai modifikasi pertemuan koktil.

SUMBANGAN KEWANGAN

Konflik Kampuchea ini juga disentuh dalam Persidangan Menteri Luar ASEAN dengan negara rakan dialog pada 7 Julai lepas di Bangkok.

Rakan-rakan dialog ASEAN dalam persidangan itu terdiri daripada Jepun, Amerika Syarikat, Masyarakat Eropah (EC), Australia, Kanada dan New Zealand.

Menteri Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Sousuke Uno kata, Kerajaan Jepun akan menyumbangkan kewangan bagi membiayai segala kegiatan dari pasukan pemeliharaan keamanan antarabangsa di Kampuchea, termasuk pengirisan kakitangan pasukan pemerhati antarabangsa bagi terlaksananya pemilihan umum di sana di samping bersedia membantu menyediakan berbagai keperluan material bukan militer yang diperlukan.

"Sekarang ini terdapat suatu momentum yang baik sekali dalam mencari suatu huraian politik yang menyeluruh dalam mengatasi masalah Kampuchea yang sudah berlarut 10 tahun ini," kata Tuan Yang Terutama Sousuke Uno.

Mesyuarat Informal Jakarta : HURAIAN KONFLIK KAMPUCHEA




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam sedang berbual mesra dengan Menteri Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Tuan Sousuke Uno di Bangkok pada 8 Julai, 1988.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan Menteri Luar New Zealand, Tuan Yang Terutama Tuan Russell Marshal di Bangkok pada 7 Julai, lepas.

BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan naik di salah sebuah rumah tradisi orang-orang darat sambil diiringi oleh Ketua Kampong Mulaut, Awang Haji Abdul Rashid bin Bando dan Pemangku Pengerusi Tertinggi perayaan puja usia baginda bagi Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Puasa (gambar atas). Sementara gambar bawah kelihatan baginda berkenan menyertai sendiri salah satu permainan tradisi yang hingga kini masih digemari iaitu permainan 'alai bubu' bersama-sama rakyat baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli beramah mesra bersama rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara di Taman Peranginan, Kampong Parit,

Mukim Pengkalan Batu baru-baru ini.

Berangkat sama ke taman tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda ke taman itu telah dijunjung oleh Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan bagi Daerah Brunei dan Muara serta ribuan rakyat jelata yang awal-awal pagi lagi menunggu ketibaan baginda di taman peranginan tersebut.

Pada peringkat pertama seluas 10 hektar kawasan telahpun dimajukan yang mana bertujuan memperingati konsep lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bercemar duli bersemuka dan beramah mesra dengan rakyat jelata ke Mukim-mukim sebagaimana yang dilakukan oleh baginda sebelum ini.

Liputan Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh
Pg. Abu Bakar PHO



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima junjung ziarah, sambil beramah mesra dengan rakyat baginda yang hadir di Taman Peranginan Kampong Parit (atas). Berangkat sama ke taman tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah. Sementara (gambar bawah) ketika baginda berangkat menyaksikan suasana dalam sebuah rumah yang terdapat di kawasan peranginan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli jawatankuasa yang mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda (gambar atas). Gambar kanan pula kelihatan baginda berkenan menyaksikan pameran kuih-muih tradisi Melayu Brunei yang turut dipamerkan. Juga kelihatan dalam gambar ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-443

Faedah zikir dan wirid:

ZIKIR-ZIKIR kepada Allah Taala dan wirid yang dibaca umpamanya pada pagi dan petang dan umpamanya waktu malam dan waktu sahar atau lepas sembahyang-sembahyang fardu itu adalah disuruh kerjakan dan digemarkan dan diperintahkan oleh Allah Taala dan disuruh oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Firman Allah Taala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang tafsirnya: Ingatlah dengan zikirkan Allah dan ingatkan Allah Taala, maka hati-hati manusia menjadi tenang dan tenteram

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 tafsirnya: Maka kamu ingatkan Aku (Allah) nescaya Aku ingatkan kamu dengan

memberi pahala kepada kamu.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ankabut ayat 45 yang tafsirnya: Hamba Allah itu ingatkan Allah, adalah suatu perkara taat yang lebih besar dan lebih afdal dan lebih utama dari perkara-perkara yang lain.

Atau tafsirnya: Allah Taala ingatkan kamu itu lebih besar daripada kamu ingatkan Dia (Allah). (Sebagaimana tersebut dalam suatu hadis Qudsi yang ertinya: Apabila hamba Aku ingatkan Aku dalam dirinya sendiri, maka Aku ingatkan dia dalam diri Aku, dan apabila hamba Aku ingatkan Aku di dalam suatu kumpulan, maka Aku ingatkan dia di dalam satu kumpulan yang lebih baik dari kumpulan itu.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ahzaab ayat 35 yang

WIRID

Bahagian ketiga

tafsirnya: Orang laki-laki yang ingatkan Allah dengan ingatan yang banyak dan orang-orang perempuan yang ingatkan Allah dengan ingatan yang banyak, maka Allah Taala akan sediakan untuk mereka akan suatu ampunan yang besar ke atas dosa-dosa mereka dan pahala yang banyak di atas taat-taat mereka dan ibadat-ibadat dan amal-amal salih mereka.

Firman Allah dalam Surah Ali 'Imraan ayat 191 yang tar-

sirnya: Mereka yang ingatkan Allah waktu berdiri, waktu duduk dan baring yakni pada segala hal-chwal dan mereka berfikir dalam perkara kejadian tujuh petala langit dan bumi untuk berdalil di atas kuasa Tuhan Rabbul 'Alamin.

Diriwayatkan daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda ertinya: Tiada sedih oleh ahli syurga di atas luput sesuatu saat, melainkan saat yang berlaku pada mereka dan mereka tiada ingatkan Allah padanya. Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dan Al-Baihaqi.

Daripada sahabat Abu Hurairah Radhiallahu Anhu yang ertinya: Tiada suatu kaum dan kumpulan bersurai dari satu majlis yang tiada mereka ingatkan Allah Taala padanya, melainkan mereka

bersurai seperti dari bangkai keldai, dan mereka sedih dukacita pada hari kiamat.

Daripada sahabat Abu Hurairah Radhiallahu Anhu yang ertinya: Tiada duduk suatu kaum dan kumpulan dalam satu majlis yang tiada ingatkan Allah Taala padanya, dan tiada berselawat di atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, melainkan mereka akan sedih dukacita pada hari kiamat, sekalipun mereka masuk Syurga mendapat pahala.

Daripada sahabat Abu Hurairah dan sahabat Abu Sa'ed Al-Khudri Radhiallahu Anhuma yang ertinya: Banyakkan olehmu akan zikir Allah sehingga orang-orang berkata dia orang gila.

Daripada sahabat Mu'az Radhiallahu Anhu saya berkata: Ya Rasulullah mohon pesan tuan hamba



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

kepada hamba. Sabda Rasulullah: Hendaklah kamu takutkan Allah seberapa daya upaya kamu dan hendaklah kamu ingatkan Allah pada tiap-tiap batu dan tiap-tiap pohon yang kamu lalu, dan apa yang kamu kerjakan dari kejahatan. Maka kamu kemukakan kepada Allah akan suatu taubat, sulit dengan sulit dan berterang-terang dengan berterang-terang.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



DATO Paduka Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ketika membuat panggilan sejurus selepas merasmikan Ibu Sawat Telekom di Kampong Madang pada 7 Julai, lepas. Ibu Sawat yang mempunyai 5,000 talian itu akan menghubungkan ke kawasan Kampong Madang, Jalan Muara, dan Kampong Salambigar. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Ibu Sawat Telekom Madang dirasmi

MADANG. — Sebuah ibu sawat telekom yang berupaya membekalkan 5,000 talian yang menghubungkan ke kawasan Kampong Madang, Jalan Muara dan Kampong Salambigar telah dibuka rasmi pada 7 Julai lepas.

Perasmiannya dilakukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, di ibu sawat telekom di sini.

Dato Paduka Awang Haji Chuchu kemudiannya dibawa menyaksikan kelengkapan-kelengkapan yang terdapat di ibu sawat itu. Ianya adalah dibekalkan oleh sebuah syarikat yang didatangkan dari Republik Persekutuan Jerman yang dikenali "SIEMENS A.G." dengan belanja \$3 juta.

Menurut seorang pegawai Jabatan Telekom, talian itu dijangka bertambah sehingga 12,000 talian jika diperlukan.

Menurutnya 10 buah lagi ibu sawat telekom akan didirikan dan beberapa buah "Remote Subscriber Line Unit" akan diadakan di kawasan-kawasan pedalaman di negara ini yang berjumlah 47 ribu talian.

Kontrak pembelian ibu sawat jenis Siemens EWSD telah ditandatangani pada bulan Januari tahun lepas merupakan salah satu Rancangan Lima Tahun (RKN-5) Jabatan Telekom iaitu memberikan perkhidmatan telefon secara "on demand" menjelang akhir tahun 1990 bagi memenuhi keperluan rakyat dan penduduk negara ini.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 27 Julai hingga ke hari Selasa 2 Ogos 1988 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
27	12.29	3.49	3.50	6.37	6.38	7.50	7.51	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
28	12.29	3.49	3.50	6.36	6.37	7.50	7.51	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
29	12.29	3.49	3.50	6.36	6.37	7.50	7.51	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
30	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
31	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
Ogos												
1	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
2	12.29	3.47	3.48	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

BERAKAS, 21 Julai. — Satu perjanjian bagi projek Sistem Telefon Dalam Kenderaan (MTS) bernilai \$16 juta telah ditandatangani antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sebuah firma Singapura, Folec Communications Ltd., di Kementerian Perhubungan.

Kementerian Perhubungan dalam kenyataannya memberitahu, di bawah projek itu dua buah 'Ibu Sawat Telefon Digital' (MDE) sebuah di Bandar Seri Begawan dan sebuah di Seria, dan 9 stesyen radio (radio base stations) akan dipasang bagi memberi kemudahan perhubungan bagi para pelanggan sistem berke-naan di seluruh negara.

"Peralatan ini boleh dipasang di dalam kenderaan atau mudah dibawa ke mana-mana (hand-carried). Sistem ini mampu dibekalkan kepada 5,000 pelanggan dan berkeupayaan sehingga 20,000 pelanggan," jelas kenyataan itu.

Projek itu akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama

Projek Sistem Telefon Dalam Kenderaan ditandatangani



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad dan Awang Leo Lai, Pengarah Folec Communications Ltd ketika menandatangani perjanjian. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Lihat muka 7



Kecuali pada perkara-perkara berbentuk maksiat:

KEWAJIPAN KITA MENTAATI PEMIMPIN

MARILAH kita sama-sama meningkatkan takwa kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Memanglah tabiat semula jadi manusia, apabila ada sesuatu kumpulan atau masyarakat maka akan memerlukan pimpinan-pimpinan ini diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang mereka hadapi. Pimpinan itu dikehendaki bagi memohon apa jua kepentingan yang mereka harapkan. Pimpinan ini dikehendaki bagi mendapatkan bimbingan di

dalam menempuh jalan yang dituju iaitu jalan yang membawa kebajikan kepada yang berkehendakkan pimpinan bukan yang membawa kemusnahan dan keruntuhan.

Mengikut pandangan Islam, perkataan pimpinan mempunyai satu pengertian dan mereka yang menjadi pemimpin akan mendapat sanjungan dan penghargaan samaada di sisi Allah Subhanahu Wataala ataupun masyarakat. Mereka yang menjadi pemimpin dalam peribadatan (di dalam salat) juga termasuk dalam golongan pemimpin iaitu seperti imam-imam, mereka hendaklah menjalankan tugas tersebut dengan sempurna, mereka akan dikurniakan rahmat kepadanya maka mengerjakan tugas-tugas mereka dengan baik dan sempurna. Mereka adalah menjadi orang yang terkedepan di dalam saf salat yang mana di belakangnya para makmum. Para makmum pula tidak boleh melampaui pekerjaan imam dalam ertikata yang lain para makmum mesti ikut apa yang dikerjakan oleh imam selepasnya iaitu tidak boleh mendahului.

Mereka yang menjadi pemimpin dalam rumah tangga juga dikurniakan rahmat seperti para suami. Pengurniaan rahmat ini ada syarat, iaitu jika suami bersifat adil kepada isteri-isteri dan anak-anaknya maka mereka akan layak mendapat rahmat dan di dalam hal ini para isteri wajib mentaati segala perintah suami kecuali perkara-perkara yang berbentuk maksiat.

Oleh yang demikian, apa jua bentuk kepimpinan ini sama ada di peringkat rumah tangga, di peringkat kampung, di peringkat mukim, di peringkat daerah, di peringkat jabatan-jabatan kerajaan ataupun pertubuhan-pertubuhan mahupun di peringkat negara akan beroleh rahmat dengan pimpinannya asalkan kesemua mereka itu berlaku adil terhadap orang yang

dipimpinnya. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Dari Abdullah bin Umar radhiallahu anhu katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sesungguhnya orang-orang yang adil itu di sisi Allah akan mendapat tempat di atas mimbar, dari cahaya terletak di sebelah kanan Allah iaitu orang-orang yang adil menjalankan hukum-hukum adil kepada keluarganya dan adil melaksanakan tugas yang diserahkan kepadanya. Sabda baginda kedua-dua tangan Allah dinamakan yamin."

Dan sabda baginda lagi dari Ibnu Omar Radhiallahu Anhu sabdanya yang bermaksud: "Ketahuilah semua kamu pengawas yang bertanggungjawab atas bidangnya masing-masing. Amir pengawas yang bertanggungjawab atas kesejahteraan rakyatnya, suami bertanggungjawab atas kesejahteraan keluarganya. Isteri pengawas yang bertanggungjawab atas kesejahteraan rumah tangga, suaminya dan anak-anaknya. Dan hamba sahaya pengawas yang bertanggungjawab atas harta tuannya."

Bersempena dengan hari ulangtahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussala, maka kita sebagai rakyat adalah wajib menjunjung segala perintahnya kerana mentaati sesuatu perintah dari pemimpin kecuali perintah-perintah yang berbentuk maksiat adalah satu ibadat. Menjalankan satu perintah pemimpin atau raja adalah wajib hukumnya. Dikerjakan dapat pahala dan ditinggalkan sebaliknya berdosa. Taat kepada pemimpin ini adalah lebih kurang sama mentaati Allah dan Rasulullah sebagaimana firman Allah yang tafsirannya:

"Taatiilah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada pemimpin-pemimpin kamu."

Berdasarkan ayat tersebut adalah menunjukkan suatu suruhan atau gesaan daripada Allah. Maka setiap yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala itu mesti disempurnakan supaya mendapat ganjaran dan kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Setiap yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala itu kepada hamba-hamba-Nya mempunyai beberapa hikmah-hikmah yang tertentu dan memberi pulangan kebajikan di dunia dan demi bekalannya di akhirat nanti.

Di dalam Islam adalah mementingkan suasana harmoni dan aman damai serta hubungan yang saling padu dan mesra serta saling hormat-menghormati dan berkasih sayang. Maka dari cara kehidupan yang sedemikian akan lahirnya keadaan dan suasana yang aman sejahtera. Kerana itu adalah sangat mustahak dan menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap individu umat Islam untuk sama-sama menunaikan peranan masing-masing terutama yang dipimpin hendaklah menunjukkan sikap taat setia dan jujur kepada pimpinan kerana keamanan dan kesejahteraan itu sebenarnya adalah terletak pada orang-orang yang di bawah satu-satu kepimpinan. Sebab itu mengapa Allah Subhanahu Wataala mengatakannya hendaklah kamu taat kepada Allah dan Rasul dan kepada pemimpin kamu. Bukan untuk menyanggah dan memusuhinya. Kerana di akhir ayat suruhan atau perintah dari Allah supaya mentaati pemimpin itu ialah yang kira-kira tafsirnya:

"Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. Oleh itu marilah kita sama-sama mencurahkan sepuhnya segala taat setia kepada pemimpin dan raja kita semoga negara kita akan sejahtera dan sentiasa aman dan damai dan diberkati Allah Subhanahu Wataala, Amin."

ISLAM GALAKKAN PEMBICARAAN BAIK, MUDAH DIFAHAM

INGATLAH wahai insan yang kecil lagi kerdil, kita hidup di dunia ini hanya buat seketika saja, maka dari itu berusahalah kita menjaga keharmonian jiwa, agama, masyarakat, bangsa dan negara.

Di dalam kehidupan hari ini kita hidup dalam lingkungan bermasyarakat, punya tetangga berbilang rupa, kaum dan bangsa. Dari itu apa yang penting kita jaga ialah dalam pembicaraan kita sehari-hari.

Pembicaraan seseorang adalah menentukan terhadap nasib seseorang itu sendiri, bahkan kadang-kadang menentukan juga nasib sesuatu bangsa. Sebaliknya pembicaraan yang tidak baik yang intisarinnya itu menyakitkan hati orang lain yang boleh membawa akibat buruk bukan saja bagi orang yang berbicara itu sendiri, bahkan juga akan membawa akibat buruk kepada masyarakat atau orang lain.

Adapun yang dimaksudkan dengan berbicara yang baik itu ialah apabila kita akan memulakan pembicaraan, direnungkan terlebih dahulu, apakah kiranya ianya akan menyinggung perasaan orang lain atau tidak, atau akan menjadi kemarahan atau tidak, atau akan membuat malu atau tidak, atau akan menjatuhkan prestasi orang lain atau tidak, lebih-lebih lagi kalau pembicaraan itu dilakukan di hadapan khalayak ramai, maka bicaralah dengan mudah dan menarik dengan diselangi oleh sedikit ketawa yang boleh orang lain senang dengan apa yang kita bicarakan itu, sebagaimana sabda Nabi

Sallallahu Alaihi Wasallam yang kira-kira bererti:

"Dunia itu sedikit, maka bolehlah orang ketawa sesukanya, maka bila dunia sudah habis dan kembali kepada Allah Azzawajalla, mereka akan memulai menangis yang tiada putus-putusnya untuk selamlamanya."

Lebih-lebih lagi kalau pembicaraan itu dilaksanakan dalam rangka berdakwah, kita harus berhati-hati, jangan sampai orang yang mendengarkan pembicaraan itu timbul perasaan tidak senang dan rasa enggan untuk mendekati orang Islam, lebih-lebih lagi jika pembicaraan kita menggunakan kata-kata kasar, kotor, menyinggung perasaan dan sebagainya. Sedangkan tujuan supaya mereka itu mendekati kepada kita supaya mereka cinta kepada Islam kerana tepat sekali peringatan Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran Surah An-Nal ayat: 125 yang kira-kira bermaksud:

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik sesungguhnya Tuhanmu (Dialah) yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk."

Cuba kita perhatikan isi Surah Al-An'am, ayat 108 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan

Menuju Keredaan Allah

KELOLAAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH

melampau batas tanpa pengetahuan."

Jadi lebih jelas lagi, jika dalam rangka berdakwah kita mesti bijaksana menggunakan kata-kata. Jangan menyinggung perasaan orang-orang yang beragama lain atau orang yang tidak beragama sama sekali, jika sekiranya perkara itu berlaku, maka mereka yang kita ajak untuk kembali kepada Allah dan mengikut agama Islam itu akan semakin menjauhi kita, bahkan juga akan memperolok-olokkan agama Islam.

Dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berbunyi:

"Baiklah berbicara yang baik atau berdiam saja."

Adapun yang dimaksudkan dengan berdiam saja itu ialah diam daripada percakapan yang banyak (tidak memberi faedah). Seandainya kita bercakap banyak ditakuti menyinggung perasaan dan sebagainya.

Dari itu Islam menggalakkan kita berbicara yang pendek tapi penuh pengertian disertai dengan kata-kata yang amat menyenangkan.

Jadual Perpustakaan Bergerak

Sekolah Rendah OKBI Subok	26-7-88	Selasa	8.30 — 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	26-7-88	Selasa	10.30 — 11.30 pagi
Sekolah Pengajian ABDB Bolkliah Garrison	26-7-88	Selasa	10.00 — 11.00 pagi
Sekolah Rendah Serasa	27-7-88	Rabu	9.45 — 10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	27-7-88	Rabu	10.30 — 11.00 pagi
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sg. Besar	27-7-88	Rabu	11.15 — 11.45 pagi
Sekolah Rendah Pulaie	27-7-88	Rabu	9.30 — 10.30 pagi
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	28-7-88	Khamis	10.00 — 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Hj. Md. Yusuf Katimahar	30-7-88	Sabtu	8.30 — 9.30 pagi
Penjara Jerudong	30-7-88	Sabtu	9.45 — 10.45 pagi
Sekolah Rendah Mulaut	30-7-88	Sabtu	11.00 — 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Birau	30-7-88	Sabtu	1.30 — 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	30-7-88	Sabtu	2.45 — 3.45 petang
Sekolah Rendah Lamunin	30-7-88	Sabtu	4.00 — 5.00 petang

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dan mengingati banyak-banyak akan nikmat-Nya.

Alhamdulillah kita dapat lagi bersama-sama menyambut dan merayakan Hari Raya Korban yang mubarak iaitu hari raya yang disebut Allah sebagai hari "Alhaj Al-Akbar" dan pada kira-kira dua bulan dan beberapa hari dahulu telah pun dapat menyambut dengan penuh gembira Hari Raya Fitrah ataupun hari raya puasa.

Adalah telah menjadi kebiasaan kita menyambut kedua-dua hari raya itu dengan penuh kegembiraan dan kesukaan. Sehingga kadang-kadang sampai melupakan kita atau kita sendiri lupa terhadap tujuan dan hakikat agama kita mengadakan dua hari raya tersebut. Terutama dalam tujuan untuk bersyukur nikmat Allah, membesar dan memuliakan Allah sehingga dapat mendatangkan kesan yang baik kepada setiap orang-orang Islam supaya akan lebih patuh dan taat kepada perintah-perintah dan menjauhi larangan Allah Subhanahu Wataala.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Apa yang menimpa setengah umat Islam terhadap syariat Islam adalah sangat menyedihkan kita, kerana mereka itu telah menyingkirkan roh syariat Islam yang mereka lakukan, di mana hanya perbuatan dan rupanya sahaja yang nampak kerana barangkali telah dianggap sebagai kebiasaan atau telah menjadi adat. Sehingga apa yang menjadi kenyataan dan kesan yang lahir dari sikap itu ialah tidak dapat mendatangkan kesan segala ibadat yang dikerjakan itu untuk memperelokkan atau membaiki tingkah-laku

serta tidak dapat memberikan jiwa, dari sifat-sifat keji, jauh sekali untuk dapat melahirkan kesediaan untuk berkorban dan berusaha pada menegakkan syiar Islam apatah lagi untuk mewujudkan sikap bersatu dan tolong-menolong. Kerana itu adalah tidak menjadi hairan andainya disebabkan orang-orang Islam jauh dari mendapat kemuliaan, kejayaan dan tidak merupakan sebagai suatu kuasa yang kuat dan ditakuti.

Salah satu peristiwa yang agung di dalam sejarah perkembangan Islam yang ada kaitannya dengan Hari Raya Adha ini ialah peristiwa yang berlaku pada tahun kesembilan Hijrah iaitu peristiwa di mana Sayidina Ali Radhiallahu Anhu pada ketika Rasulullah hendak masuk ke Kota Mekah bagi mengerjakan ibadah Haji akan tetapi dihalang oleh kaum Musyrikin Mekah. Lalu Sayidina Ali tampil ke hadapan menemui orang-orang Musyrikin Mekah dengan penuh keberanian menyampaikan seruan Allah kepada orang-orang Musyrikin Mekah waktu itu iaitu di mana Allah berfirman yang kira-kira tafsirnya :

"Dan inilah perisytiharan dari Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia, (disyitiharkan) pada Hari Raya Haji yang besar bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik." (At-Taubah ayat 3).

Inilah sifat yang semestinya ada di dalam diri setiap pemuda Islam. Sifat keberanian dan semangat yang sentiasa berkobar untuk menegakkan Islam di atas muka bumi Allah ini. Di samping sifat sedia berkorban demi kepentingan agama

PERISTIWA KORBAN CONTOH KETAATAN KEPADA ALLAH

Khutbah pertama

dalam hadis Baginda:

"Buailah perkiraan terlebih dahulu ke atas diri kamu sebelum kamu dibuat perkiraan." Dengan ertikata yang lain hendaklah kita sentiasa meneliti diri kita di dalam mentaati perintah-perintah Allah kerana apabila tiba masanya kita dibuatkan perkiraan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka pada waktu itu tidak akan ada waktu lagi untuk berbuat taat kecuali menunggu balasan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala. Dan di dalam hal ini kita sewajarnya mengambil iktibar pula terhadap peristiwa yang terjadi ke atas Nabi Allah Noh Alaihissalam dan anaknya yang ingkar dari mentaati seruan ayahnya untuk beriman kepada Allah. Sebagaimana yang dikisahkan di dalam Al-Quran, di mana Nabi Noh berkata kepada anak Baginda yang terapung-apung dilanda ombak besar: "Wahai anakku naiklah bersama kami dan janganlah engkau tinggal bersama orang kafir." Dan apa jawab anak Baginda: "Aku akan bertindang ke bawah gunung yang dapat menyelamatkan daku daripada ditenggelami oleh air." Kemudian dijawab oleh ayahnya Nabi Noh: "Hari ini tidak ada suatu pun yang dapat melindungi dari azab Allah kecuali orang yang

dikasih oleh-Nya dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya lalu menjadilah ia anak derhaka dari orang yang ditenggelamkan oleh taufan."

Kemudian Nabi Noh berkata lagi: "Wahai Tuhanku sesungguhnya anakku itu dari keluargaku dan bahawa janji-Mu adalah benar dan Engkau adalah sebijak Hakim yang menghukum dengan seadil-adilnya." Lalu Allah Subhanahu Wataala menjawabnya dengan firman yang tafsirnya: "Wahai Noh! Anakmu itu bukan dari keluargamu sesungguhnya bawannya itu bukanlah dari amal yang saleh." — (Hud ayat 46).

Demikianlah wahai kaum Muslimin dua peristiwa penting yang pernah berlaku di dalam soal ketaatan serta keingkaran terhadap Allah iaitu peristiwa Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail Alaihissalam dan peristiwa Nabi Noh Alaihissalam dan juga anaknya di mana keduanya menerima balasan Allah yang berbeza. Oleh itu terserahlah kepada kita untuk memilih, sama ada untuk berusaha sedaya upaya mentaati perintah Allah atau sebaliknya, di samping untuk bersedia pula menerima balasan dan akibat-akibatnya.

APA YANG MESTI DIBUAT JIKA MAHU KUAT?

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

APAKAH yang mesti dibuat jika kita mahu kuat sehingga tidak terkalahkan oleh sesiapa? Apakah yang mesti dibuat jika mahu terhormat dan mulia sehingga tidak dihinakan oleh sesiapa? Apakah yang mesti dibuat jika kita mahu supaya kata-kata kita didengar sehingga tidak siapa pun yang membantahnya?

Persoalan ini, wahai kaum Muslimin hanyalah persoalan orang Islam. Jika orang lain selain orang Islam, maka itu di luar persoalan ini.

Bagi kita orang-orang Islam ada syarat-syarat tertentu untuk kita sampai kepada sesuatu matlamat ini. Seseorang sahabat mengadu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa kesulitan atau musibah sedang menimpa diri dan keluarganya. Nabi menasihatkannya supaya sabar, tinggalkan takwa dan banyak-banyak membaca 'La haula Wala Kuwata Illa billah', nanti Allah akan memberi jalan keluar. Tetapi jika orang bukan Islam, sudah nyata bukan begini persoalan-

nya. Jika mereka mahu kuat, barangkali cukup banyak-banyak angkat berat, cipta senjata-senjata sophisticated. Atau kalau mahu kaya, apa jua cara mereka cuba. Tetapi orang Islam, kata agama tidak boleh begitu, mesti jujur, timbangan lurus-lurus, tidak boleh kurang walau setengah tahlil, lebih tidak apa, sedekah, dapat pahala, riba jangan sekali, barulah dapat berkatnya. Ah, ini dia persoalan kita orang Islam.

Jadi kita orang Islam mahu kuat, mahu maju, mahu mulia, mahu ditakuti dan disegani, apakah caranya? Jawabnya paling ringkas: Pegang kuat-kuat agama Allah ini, di semua tempat, keadaan dan masa. Bukan dalam masjid sahaja, di luar masjid pun demikian juga.

Cuba perhatikan, benar atau tidak jawapan ini, cuba lihat di zaman sahabat dan tabi'in ketika itu tidak ada suara yang paling terpakai, yang ditakuti dan disegani melainkan suara Islam. Umat Islam yang kecil bilangannya, menakluk dan mengambil hak keuntungan di muka bumi ini. Kerana umat Islam pada masa itu tidak ada pilihan lain melainkan tun-

Allah, sebagai seorang yang mengaku dirinya seorang Islam, maka adalah menjadi tanggungjawab untuk meletakkan Islam itu di atas segala-galanya tanpa cuba membuka peluang kepada dirinya untuk mempersoalkan sesuatu yang pada fikirannya bahawa Islam atau ajarannya itu adalah tidak selaras atau sejalan dengan pendapat atau mana-mana teori kemajuan dunia atau tidak secukup dengan aliran perkembangan dan kemajuan tamadun dunia.

Di dalam hubungan ini terutama dalam perkara mentaati suruhan-suruhan Allah kita sewajarnya menyerahkan ketaatan kita itu secara mutlak, iaitu patuh dengan sesungguhnya untuk melakukan setiap yang diperintahkan Allah. Begitu terhadap larangan-larangan Allah Subhanahu Wataala. Kita tidak perlu tawar-menawar terhadap sesuatu yang telah nyata tegahan Allah mengenainya. Kerana akibatnya adalah akan mendatangkan kemurkaan Allah kepada diri kita sendiri jua.

Sebagai seorang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kita telah banyak diberikan contoh teladan yang jelas dan nyata untuk kita contohi. Di dalam soal mentaati suruhan-suruhan

Allah dan salah satu contoh yang paling nyata ialah peristiwa yang luar biasa yang pada fikiran yang sibat adalah tidak logik untuk dilaksanakan. Akan tetapi demi kerana patuh dan taat yang tidak pernah merasa ragu terhadap suruhan Allah yang menciptakan segala-galanya, yang berkuasa ke atas segala-galanya. Tanya tetap dilasanakan, iaitu tidak lain ialah peristiwa yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim Khalilullah Alaihissalam dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam iaitu peristiwa seorang daripadanya terpaksa melakukan korban bagi yang sangat-sangat disayanginya, manakala yang seorang lagi dengan penuh kerelaan dan keikhlasan sanggup untuk menjadi korban sebagaimana yang dikehendaki Allah ke atas kedua-dua mereka. Itulah satu-satunya contoh teladan yang semestinya kita teladani di dalam mentaati perintah-perintah Allah. Soalnya sekarang ini wahai kaum Muslimin pernahkah kita bertanya kepada diri kita sendiri sejauh manakah kita sudah benar-benar mematuhi perintah-perintah Allah dan sejauh manakah kita menjauhkan diri kita daripada mendekati larangan-larangan Allah? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengingatkan kepada kita

Khutbah kedua

duk semata-mata kepada Islam, memakai cara-cara hidup Islam, mereka bersungguh-sungguh dalam hal ini, bukan main-main atau pura-pura. Maka kerana itulah Allah angkatkan kepada mereka menjadi tuan dan sebaliknya Allah tundukkan kepada yang besar-besar dan degil-degil kepada orang Islam.

Dari segi apakah Islam itu dinilai? Jawabnya: Kebersihan, bersih segala-galanya, bersih makan minum, bersih amalannya, bersih hatinya. Mahu bersih makan minum, pilih yang halal, tolak yang haram! Mahu bersih amalannya, buang sifat-sifat ria dan niatan kerana Allah jua, dan mahu bersih hati, musnahkan segala sifat-sifat mazmumah, sifat-sifat keji yang dibenci oleh Allah Taala. Barulah ada harapan, jika orang begini jadi ayah, maka ayahlah dia kepada keluarga yang bersih dan diberkati. Jika orang begini jadi pegawai, maka pegawailah dia kepada kerajaan yang bersih dan diberkati, menjadi kesayangan umat, kesayangan di langit dan di bumi. Jadi

jika tidak ada syarat-syarat bersih yang disebutkan ini, jangan mimpi kita akan dapat apa yang kita mahu dari Allah.

Sebab adalah terang perkara ini diberitahu oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah itu baik, bersih, Dia tidak akan terima kecuali yang baik-baik dan bersih sahaja."

Oleh itu marilah, wahai kaum Muslimin, di saat yang mubarak ini kita sama-sama berazam memegang teguh agama Islam, memenuhi syarat-syarat takwa kepada Allah supaya kita diterima dan ditolong-Nya serta ditingkatkan-Nya martabat kita dalam Negara Brunei Darussalam ini pada khususnya. Mudah-mudahan dengan berkat mukjizat Nabi-nabi dan Rasul-rasul, berkat wali-wali, orang saleh, dan berkat daulat raja kita yang kita kasihi, Negara Brunei Darussalam ini akan menjadi tempat bernaung yang bahagia kepada orang-orang yang beriman.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Pameran Buku-buku

TUTONG, 13 Julai. — Lebih 500 orang murid sekolah dari 16 buah sekolah di negara ini menyaksikan pameran buku-buku sempena tahun membaca anjuran Kementerian Pelajaran di Sekolah Menengah Muda Hashim di sini.

Antara buku-buku yang dipamerkan termasuklah buku-buku pra-sekolah hingga universiti, risalah, pengetahuan agama Islam.

Pameran yang sama telah diadakan buat pertama kalinya di Sekolah Menengah Sultan Mohammad Jamalul Alam minggu lalu.

Sebanyak 18 buah syarikat tempatan dan dua buah jabatan kerajaan mengikuti pameran tersebut dan pameran tersebut diadakan selama dua hari.

Pameran yang sama juga diadakan di Maktab Anthony Abell, Seria pada hari Selasa ini.

Dari muka 5

dijangka siap pada penghujung Februari 1989. Manakala fasa kedua pula pada penghujung bulan Julai 1989.

Setiasa Tetap, Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Mohd. Yusof telah menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Urusannya, Awang Leo Lai Seng.

Saksi-saksi di majlis perjanjian itu ialah Pengarah Telekom, Dato Paduka Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Naib Presiden (Co-Operate) merangkap Pengarah Operasi Antarabangsa Cellular Infrastructure Division Motorola, USA., Awang Daniel R. Szymanski.

Para pegawai kanan kementerian dan ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Perhubungan juga hadir di majlis itu.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Dr. Yeo Ning Hong, Menteri Perhubungan dan Penerangan merangkap Menteri Pertahanan Kedua (Dasar) Republik Singapura (atas kiri) dan Tuan Yang Terutama Field Marshall Lord Carber, Ahli Parlimen British dan rombongan yang membuat lawatan muhibah ke negara ini.



LAWATAN MUHIBAH

DUA orang menteri dan seorang ahli parlimen dari luar negeri telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam.

Mereka terdiri dari Tuan Yang Terutama Dr. Neo Ning Hong, Menteri Perhubungan dan Penerangan merangkap Menteri Pertahanan Kedua (Dasar) Republik Singapura, Yang Terhormat Jeneral Dato Paduka Seri L.B. Moerdani, Menteri Pertahanan Republik Indonesia dan Tuan Yang Terutama Field Marshall Lord Carber, Ahli Parlimen British.

Semasa berada di negara ini mereka telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang menarik di samping membuat kunjungan-kunjungan muhibah.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan ketika menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Dr. Neo Ning Hong, Menteri Perhubungan dan Penerangan merangkap Menteri Pertahanan Kedua (Dasar) Republik Singapura (atas).

Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Bahar PHO, Pg. Haji Yaakub dan Pg. Kamaluddin.




YANG Terhormat Jeneral Dato Paduka Seri L.B. Moerdani ketika memeriksa perbarisan di Berakas Garrison.

YANG Terhormat Jeneral Dato Paduka Seri L.B. Moerdani, Menteri Pertahanan Republik Indonesia ketika melakukan lawatan ke Berakas Garrison. Dalam gambar juga kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan (kiri) dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohamad bin Haji Daud, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan).



TUAN Yang Terutama Field Marshall Lord Carber, Ahli Parlimen British dan rombongan ketika mengadakan lawatan ke Perumahan/Perpindahan Negara di Lambak Kanan (kiri). Semantara gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama dan rombongan ketika membuat lawatan ke Kampong Ayer.




Gambar-gambar
oleh Amat Moxsin

PEMANDANGAN lampu-lampu cucul yang beraneka warna yang terdapat di Jalan Sultan, di Bandar Seri Begawan (atas).

PERSEMBAHAN bunga api turut memeriahkan lagi suasana perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-42 tahun (atas kanan).

KAMPONG Ayer yang sering menjadi kunjungan utama pelawat-pelawat dari luar negeri juga turut dihiasi dengan lampu-lampu neon. Gambar kanan memperlihatkan kepada kita suasana Kampung Ayer yang dikelilingi dengan lampu-lampu cucul.



Bandar Seri Begawan bermandikan cahaya waktu malam



SEPANJANG jalan utama di ibu negara, beberapa buah pintu gerbang telah didirikan di samping dihiasi dengan lampu-lampu cucul yang beraneka warna seperti kelihatan dalam gambar atas kiri dan atas kanan.

Berazam beri k'sama kepada kerajaan

PEKAN BANGAR, 18 Julai. — Rakyat dan penduduk Daerah Temburong menyembahkan akan sentiasa taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berazam meningkatkan usaha ke arah memberikan kerjasama kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengekalkan keamanan serta kemakmuran negara.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Hamid Ismail menyembahkan ikrar dan azam itu dalam sembah ucapan alu-aluannya selaku mewakili pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan dan rakyat serta penduduk daerah itu di Istiadat Mengadap bersempena menyambut hari puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Awang Abdul Hamid Ismail yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Temburong menyembahkan, "Insya-Allah dengan petunjuk dan hidayah Kebawah Duli Tuan Patik jua, abis hamba Duli Tuan Patik akan terus-menerus meningkatkan usaha yang tidak kendur-kendur dan akan sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik bagi mengekalkan keamanan dan kemakmuran serta meningkatkan lagi kemajuan daerah ini khasnya dan Negara Brunei Darussalam amnya sesuai dengan kedudukan negara ini sebagai negara yang merdeka dan berdaulat."

Dalam sembah ucapan alu-aluan itu beliau selanjutnya menyembahkan bahawa sambutan hari ulangtahun itu merupakan salah satu saluran memupuk suasana muhibah dan silaturahim antara semua golongan rakyat, bekerjasama dan bersatu padu menyempurnakan pekerjaan.

Kenyataan ini sembahnya, terbukti dengan adanya penyertaan rakyat dan penduduk dari semua golongan baik sebagai tenaga jawatan-kuasa penggerak atau peserta di berbagai acara rancangan.

"Perpaduan dan persefahaman yang sedia terjalin erat ini adalah abis hamba Duli Tuan Patik harapkan agar ianya sentiasa akan terpelihara dan berkekalan, sebagai satu sumbangan jasa bakti terhadap negara," sembahnya.

PEMBANGUNAN

Menyentuh mengenai pembangunan, Pegawai Daerah itu menyembahkan bahawa beberapa buah kampung sudah menerima bekalan-bekalan elektrik dan air manakala di bidang sukan pula sebuah tapak bagi pembinaan kompleks sukan

sedang giat dilaksanakan di Kampong Batu Apoi.

Selain daripada itu beberapa projek seperti pembinaan rumah-rumah bagi skim kurnia tanah rakyat jati, rancangan perpindahan di Kampong Rataie kini sedang

**Liputan oleh Ahat Hj. Ismail
Gambar-gambar oleh Haji Kamaluddin,
Rabae Hj. Sabli dan Pg. Hj. Yaakub**

dalam perlaksanaan manakala pembinaan bangunan telekom dijangka siap tahun ini yang mana nanti

berkeupayaan menampung sejumlah 2,000 talian berbanding dengan 400 talian ketika ini.



SEBAHAGIAN daripada penduduk-penduduk Daerah Temburong yang hadir di Istiadat Mengadap di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.



MURID-MURID sekolah berbaris di sepanjang jalan bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong.



BANGUNAN Pejabat-pejabat Kerajaan Daerah Temburong yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



AWANG Abdul Hamid bin Ismail, Pegawai Daerah Temburong ketika menyembahkan ucapan di Istiadat Mengadap bertempat di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong.

Bangunan baru Pejabat K'jaan Temburong dibuka rasmi

PEKAN BANGAR, 18 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan bangunan baru Pejabat-pejabat Kerajaan Daerah Temburong minggu lepas.

Bangunan baru yang dibina di atas tapak seluas dua hektar itu menempatkan 16 buah pejabat-pejabat kerajaan dan mula digunakan pada 17 Mac lalu. Pembinaannya dianggarkan menelan belanja kira-kira 8 juta ringgit.

Menurut Pegawai Daerah, Awang Abdul Hamid Ismail, dalam ucapan sembah alu-aluannya menyembahkan bahawa sebelum ini pejabat-pejabat di Daerah Temburong ditempatkan di beberapa buah bangunan sementara.

"Alhamdulillah, sekarang ini berkat usaha Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik jua, jabatan-jabatan yang dahulunya menggunakan bangunan-bangunan sementara yang keadaannya dalam serba kekurangan itu telah pun ditempatkan di sebuah bangunan yang indah, kukuh dengan mempunyai berbagai-bagai kemudahan semata-

mata dihasratkan untuk memberikan keselesaan pada pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dalam menjalankan tugas-tugas serta tanggungjawab mereka bagi memberikan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk di daerah ini dan melaksanakan kewajiban sebagai pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dalam menjalankan tugas-tugas harian," sembahnya.

Selanjutnya beliau menjunjung kasih di atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat bercemar duli merasmikan bangunan itu.

"Abis hamba Duli Tuan Patik percaya dengan adanya bangunan baharu ini mutu perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik akan meningkat dan kesesuaian yang dinikmati ini akan mendorong amalan, konsep dan prinsip bekerja berpasukan secara efisien, cekap, jujur dan amanah dalam semua jurusan bidang pekerjaan di semua peringkat sesuai dengan semangat dan aspirasi negara dalam membentuk masyarakat kukuh yang bersatu padu," sembah beliau.

PEKAN TUTONG, 20 Julai. — Rakyat dan penduduk Daerah Tutong terus menikmati suasana aman dan sejahtera hasil usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bentuk kemudahan dan perkhidmatan.

Ke arah mengekalkan suasana ini, Pegawai Daerah Tutong Awang Othman bin Awang Damit dalam sembah alu-aluannya selaku wakil para pegawai dan kakitangan kerajaan serta para penduduk Daerah Tutong di Istiadat Mengadap di Dewan Kemasyarakatan sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berikrar untuk terus-menerus memberikan sumbangan yang diharapkan bagi membangun dan membela rakyat dan negara ini.

Di antara perkembangan pesat yang dialami oleh daerah berkenaan, menurut Awang Othman ialah pembinaan kompleks Sekolah Menengah Arab yang dijangka siap pada pertengahan tahun 1989.

Di samping itu, perkembangan agama juga terus-menerus dipertingkatkan melalui rancangan pembinaan masjid-masjid baru di Kampung Keriam dan Kampung Layong dan surau-surau di rumah sakit Pekan Tutong dan Sekolah Menengah Muda Hashim.

Menurut beliau, di sepanjang tahun 1987 sehingga bulan Jun tahun ini seramai 136 orang memeluk agama Islam dari pelbagai tempat di daerah ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ketika berangkat menyaksikan pameran ulam-ulaman seperti kelihatan dalam gambar kiri dan kanan.



Liputan Abd. Karim HAB Gambar-gambar oleh Harun Rashid dan Halim Sulaiman

Di segi sumber perbekalan air pula, projek pembinaan ampuan air di Kampung Benutan berjalan lancar mengikut yang dirancang.

"Jika projek ini siap ia boleh menampung keperluan perbekalan air Layong bagi keperluan penduduk dan perumahan yang kian meningkat di Daerah Tutong dan di Daerah Brunei dan Muara," jelas beliau.

Dalam usaha mencapai 'Kesehatan Untuk Semua' menjelang tahun 2000, rakyat dan penduduk Daerah Tutong mengalu-alukan langkah Kementerian Kesihatan melancarkan per-

bekalan air di Layong pada 15 Disember 1987 yang mengandungi bahan 'Floride' yang boleh mencegah kerosakan gigi di kalangan kanak-kanak.

"Walaupun usaha peringkat awal ini hanya terhad pada perbekalan air bagi penduduk Daerah Tutong dan Daerah Brunei Muara ia dihasratkan untuk seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya usaha-usaha sedemikian besar manfaatnya kepada negara yang sentiasa berikhtiar dan menghasratkan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat demi membentuk

kesihatan yang lebih terjamin di kalangan generasi sekarang dan generasi yang akan datang," sembah beliau.

Pembinaan bangunan Sekolah Menengah di Kampung Birau yang siap pada Januari 1988 dan kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kiudang menjadikan Daerah Tutong mempunyai tiga buah sekolah menengah. Di samping itu dua buah Sekolah Rendah sedang dalam peringkat penyiapannya iaitu Sekolah Rendah Kampung Lubok Pulau dan Bukit Udal di Mukim Tanjong Maya.

Pada 16 Oktober 1987 pula, majlis penyerahan sepenuhnya bagi pengurusan Pusat Latihan Pertanian Sinaut telah dilakukan. Pusat berkenaan telah berhasil mengeluarkan para graduan dalam pelbagai bidang pertanian.

Bagi kepentingan keselamatan dan keamanan, sebuah pos polis telah dibina di kilometer 27 Jalan Tutong menggantikan pos polis di persimpangan Jalan Tutong — Lamunin.

Bagi memudahkan urusan pelesenan kenderaan-kenderaan bermotor termasuk ujian memandu dan mendapatkan lesen memandu, kerajaan baginda melalui Kementerian Perhubungan telah menubuhkan cawangan Jabatan Pengangkutan Darat secara sepenuh masa pada 28 Jun 1988 yang ditempatkan di sebuah rumah kelas C di Sungai Basong.

Pegawai Daerah Tutong juga menjelaskan, satu peruntukan kewangan juga telah diluluskan bagi pembinaan tembok Sungai Tutong berdekatan Pantai Seri Kenangan bagi mengatasi masalah tebing sungai yang susur oleh pukulan ombak dan arus air deras dan di kuatiri menjejaskan tanah daratan sekitarnya.

Projek pembinaan rumah-rumah dalam Rancangan Kemajuan Perumahan di Kampung Bukit Beruang, salah satu projek besar yang diungkatkan oleh kerajaan baginda sedang giat dilaksanakan.

Bagi melengkapkan perkhidmatan di bidang

kesihatan, sebuah klinik kesihatan Pekan Tutong sedang dalam pembinaan yang dijangka siap dalam bulan Oktober 1988 yang menelan belanja \$1.6 juta. Bangunan klinik kesihatan di kawasan Mukim Telisai dan Rambai pula dalam proses untuk dikeluarkan tawarannya.

Di samping itu terdapat juga beberapa projek yang masih dalam perancangan dan penyaliran. Di antaranya menurut Pegawai Daerah ialah tapak perusahaan ringan di Kampung Serampang, pembinaan kedai bumiputera, pembinaan perumahan bagi pegawai-pegawai rendah, pembinaan kemudahan sukan dan pembinaan bangunan baru bagi menempatkan cawangan beberapa buah jabatan kerajaan.

Di segi kemudahan lain, sebahagian besar dari kawasan kampung pedalaman telah menerima kemudahan perbekalan air paip di samping usaha bagi membekalkan perkhidmatan elektrik dan telefon kepada mereka.

Di bidang infrastruktur, sebahagian besar dari jalan-jalan kecil telah diambilalih pemeliharaannya oleh Jabatan Kerja Raya setelah ditinggikan tarafnya di samping menambah lagi pembinaan jalan sedemikian di kawasan perkampungan.

Pengusaian kawasan-kawasan jalan besar di kilometer 66 Jalan Tutong dan pembinaan jambatan konkrit yang baru di Sungai Kelakas telah siap dilaksanakan yang bertujuan mengelakkan banjir selain mempunyai ruangan yang luas dan tinggi.

Kerja pengusaian dan meninggikan sebahagian jalan di Kampung Layong juga dilaksanakan bagi menyesuaikan kedudukan jambatan konkrit yang menghubungkan Jalan Tanjong Maya dan kawasan Mukim Lamunin yang selalu mengalami banjir.

Pegawai Daerah Tutong di istiadat itu juga menyebarkan penerusan taat setia yang berkekalan, yang padat, padu dan tidak berbelah bagi ke hadapan majlis baginda.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Othman bin Awang Damit ketika menyembahkan ucapan di Istiadat Mengadap sempena hari keputeraan baginda ke-42 tahun di Daerah Tutong.




SEBAHAGIAN daripada penduduk Daerah Tutong yang menghadiri Istiadat Mengadap bertempat di Dewan Kemasyarakatan Tutong.



SALAH satu adat perkahwinan orang-orang Brunei yang turut dipersembahkan pada hari tersebut.

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DYMM DI DAERAH TUTONG




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istiadat Mengadap bertempat di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong sempena sambutan hari keputeraan baginda yang ke-42 tahun bagi Daerah Temburong (atas).

GAMBAR bawah kelihatan ketika baginda menyaksikan pameran ulam-ulan sempena menyambut hari keputeraan baginda di Daerah Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat di Istiadat Mengadap di Daerah Temburong. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan (atas).




Liputan Ahat Hj. Ismail dan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh Haji Kamaluddin,
Rabae Hj. Sabli, Pengiran Hj. Yaakub,
Harun Rashid dan Halim Sulaiman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memeriksa perbarisan di Istiadat Barisan Kehormatan di Daerah Tutong (atas). Sementara gambar kiri kelihatan baginda berkenan berziarah dengan rakyat dan penduduk Daerah Tutong.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika menyaksikan alat-alat sukatan dan timbangan sejurus selepas pembukaan rasmi bangunan baru Pejabat-pejabat Kerajaan Daerah Temburong sempurna dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan).

KEBAWAH TEMBURONG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima tabik hormat di Istiadat Barisan Kehormatan sempena hari keputeraan baginda ke-42 tahun bagi Daerah Tutong (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memeriksa perbarisan di Istiadat Barisan Kehormatan di Daerah Temburong (atas sekali). Sementara gambar atas kelihatan baginda berziarah dengan rakyat dan penduduk Daerah Temburong.

PEKAN BANGAR, 18 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Daerah Temburong bagi menghadiri Istiadat Mengadap bersempena menyambut hari puja usia baginda yang ke-42 tahun bertempat di Dewan Kemasyarakatan Temburong, Isnin lalu.

Keberangkatan tiba baginda itu telah dialu-alukan oleh ratusan murid-murid sekolah yang mengibarkan Bendera Kebangsaan Negara, berbaris sepanjang jalan hingga ke Dewan Kemasyarakatan di mana baginda berkenan menerima hormat diraja dengan diiringi tembakan meriam sebanyak 21 das.

Kemudian baginda dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan Pasukan Kawalan Kehormatan Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Sar-

bini Haji Batang bagi memeriksa perbarisan yang terdiri daripada anggota ABDB.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam.

Dari Dewan Kemasyarakatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berangkat merasmikan bangunan baru Jabatan-jabatan Daerah Temburong yang terletak berdekatan dengan tebing Sungai Temburong.

Sementara itu pada 20 Julai lepas, baginda telah berangkat bercemar duli ke istiadat perbarisan memperingati ulang-tahun hari keputeraan baginda yang ke-42 tahun di Daerah Tutong.

Selesai istiadat perbarisan, baginda berangkat beredar ke Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi istiadat mengadap.

Para penduduk Daerah Tutong di hari yang penuh bersejarah itu telah mempersembahkan sebuah acara bercorak kebudayaan yang menggambarkan majlis perkahwinan orang-orang darat yang terdiri dari majlis bersuruh, mandi berlangir dan majlis persandingan.

Setelah selesai menyaksikan persembahan berkenaan baginda dan para kerabat diraja dan para jemputan khas beredar menyaksikan pameran lebih 50 jenis ulam-ulam yang diadakan di sebuah bangunan berbentuk tradisi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan alat-alat sukatan dan timbangan sejurus selepas baginda merasmikan bangunan baru Pejabat-pejabat Kerajaan Daerah Temburong.

Pemilik-pemilik tanah diseru : PATUHI SYARAT YANG DITETAPKAN

BERAKAS, 7 Julai. — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail, Menteri Pembangunan menyeru pemilik-pemilik tanah, menghormati dan patuh kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada mereka.

Yang Berhormat berseru demikian di satu majlis penyerahan geran-geran tanah kepada 48 orang penduduk Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas di sini baru-baru ini.

Syarat-syarat tersebut antaranya ialah sebarang binaan atau tambahan terhadap bangunan di atas tapak tersebut mestilah mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu. Tanah-tanah atau rumah atau sebahagian daripadanya tidak boleh digunakan bagi tujuan perniagaan, perusahaan, tumpangan dan sewa. Tidak boleh dipecah sempadan atau dibahagi, tidak boleh dijual, atau dipajak atau dicagarkan atau ditukar milik terhadap tanah atau rumah yang

Oleh Haniza Abdullah

disebutkan atau sebahagian daripadanya melainkan kepada kerajaan atau setelah mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada kerajaan. Hendaklah dipelembah, ditanami dengan tanaman-tanaman yang bersesuaian sehingga memuaskan pihak kerajaan.

"Saya berharap supaya pemilik-pemilik tanah ini nanti akan sentiasa menghormati dan patuh kepada syarat-syarat ini dan malah tanah-tanah ini haruslah dianggap sebagai tanah kuria daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, pemberian geran-geran tanah ini jelas menunjukkan betapa seriusnya komitmen Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada rakyat baginda untuk memiliki tanah bagi rumah dalam satu kawasan perkampungan yang teratur dan selesa.

Kata Yang Berhormat lagi, selain dari mengeluarkan geran-geran tanah bagi kampung berkenaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan juga sedang giat berusaha untuk melaksanakan perkara yang sama bagi Kampung Perpindahan Delima I (Kampung Pengiran Siraja Muda, Delima II, Kampung Pancha Delima dan Anggerik Desa dan Pulaie (Kampung Orang Kaya Besar Imas).

Selain itu, sebagai langkah jangka panjang untuk menyediakan perumahan yang cukup lagi selesa kepada rakyat yang betul-betul memerlukannya, tambah Yang Berhormat lagi, kerajaan juga telah melaksanakan dua skim perumahan iaitu Rancangan Perpindahan atau Perumahan Negara dan Rancangan Pemberian Tanah kepada rakyat jati.

"Dengan selesainya nanti skim-skim ini, saya percaya sejumlah besar rakyat negara ini akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang sempurna dan mencukupi sepertimana juga yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Berhormat.

Kampung Perpindahan Burong Pingai Berakas mempunyai penduduk kira-kira 500 orang. Mereka mula berpindah ke kampung berkenaan pada tahun 1950-an. Kampung ini dilengkapi dengan berbagai kemudahan asas.

Pada hari yang bersejarah itu, mereka telah menerima geran lot masing-masing yang seluas 0.2 hektar bagi tiap-tiap satu lot yang telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail.

Juga hadir di majlis penyerahan itu ialah Setiausaha Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh, Setiausaha Tetap Teknikal, Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Malai Ali, pegawai-pegawai kerajaan di Kementerian berkenaan serta penduduk-penduduk Kampung Burong Pingai Berakas.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul' Azim bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulqiah ketika berangkat menyaksikan pertunjukan puppet di Dewan Pahlawan Perkhemahan Berakas. — Gambar oleh Masmaleh Mohd. Ali.

HURAIAN KONFLIK KAMPUCHEA

Dari muka 3

Ia menyeru negara ASEAN dan rakan-rakan dialog yang lain bagi melipatgandakan usaha dalam mencari saluran yang memungkinkan keamanan Kampuchea dapat wujud secara nyata.

Tiga pokok persoalan harus ditetapkan oleh masyarakat antarabangsa sebagai tiga tonggak utama bagi huraian politik isu Kampuchea.

Sendi utama, kata Tuan Yang Terutama Sousuke Uno, ialah terlaksananya pengunduran pasukan Vietnam seluruhnya dari Kampuchea sebagaimana niat Vietnam sendiri.

"Yang penting sekarang Vietnam hendaklah menetapkan jadual konkret bagi pengunduran seluruh tenteranya dan membenarkan pemerhati antarabangsa bagi memeriksa pengunduran itu," katanya lagi dalam pembukaan Persidangan Menteri Luar ASEAN dengan negara rakan-rakan dialog di Bangkok pada 7 Julai lalu.

Menurutnya lagi, sendi kedua ialah berbagai faksi di Kampuchea harus menyetujui suatu rangka dari pembentukan pemerintahan sementara di Kampuchea, yang nantinya diikuti dengan penyelenggaraan pilihanraya umum yang bebas di bawah pengawasan antarabangsa.

Sendi ketiga ialah dukungan antarabangsa yang menjamin tercapainya huraian kekal konflik Kampuchea, kata Tuan Yang Terutama Sousuke Uno, termasuk usaha persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea.

Pengembalian suatu negara Kampuchea yang merdeka, berkecuali dan non-blok sekarang ini disedari sebagai suatu cita-cita oleh keempat-empat faksi di Kampuchea termasuk Vietnam sendiri, katanya.

"Kerana itu dalam dialog akan datang (JIM), tergantung pada mereka sendiri untuk sepenuhnya menciptakan cita-cita itu," kata Tuan Yang Terutama Sousuke Uno dan menegaskan bahawa Jepun mendukung usaha huraian politik yang dilakukan oleh ASEAN.

SIKAP SERIUS

Manakala itu Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama George Shultz berkata sekarang terdapat perkembangan menggembirakan dalam mencari huraian politik menyeluruh mengenai masalah Kampuchea.

Russia, Vietnam dan Republik Rakyat China sekarang pun telah menunjukkan sikap positif atas segala usaha yang memungkinkan wujudnya huraian politik tersebut, kata Tuan Yang Terutama George Shultz.

"Kesediaan keempat faksi di Kampuchea dan Vietnam sendiri untuk hadir ke Jakarta bagi JIM adalah penting," katanya.

Tuan Yang Terutama George Shultz menyeru Vietnam harus membuktikan sikapnya yang sungguh-sungguh bagi pengunduran seluruh tenteranya dari Kampuchea.

Malah Setiausaha Negara Amerika Syarikat itu menegaskan semula agar dunia antarabangsa memberikan tekanan diplomatik dan ekonomi lebih lanjut kepada Vietnam sehingga huraian konflik Kampuchea jadi kenyataan.

Semua rakan sejawat dari rakan-rakan dialog merestui JIM malah Menteri Luar New Zealand, Tuan Yang Terutama Russel Marshall begitu optimis bahawa suatu huraian masalah Kampuchea adalah hal yang mungkin terjadi dalam waktu dekat ini.

"Semua negara anggota ASEAN melihat pendudukan Vietnam di Kampuchea pada 1978 adalah ancaman kepada keamanan dan kemanstapan serantau dan bertentangan dengan prinsip-prinsip fundamental hubungan antarabangsa," katanya.

Tuan Yang Terutama Russell Marshall berkata New Zealand mendukung secara aktif usaha-usaha ASEAN dalam mencari huraian politik yang komprehensif terhadap masalah Kampuchea.

KESIMPULAN

JIM bukanlah suatu pertemuan perundingan tetapi JIM adalah pertemuan informal yang merupakan pertemuan pendahuluan yang dilakukan secara informal.

Dan pengunduran diri Putera Norodom Sihanouk sebagai Presiden Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (OGDK) baru-baru ini tidak mengurangkan niat gigih ASEAN bagi mencari huraian politik di Kampuchea.

ASEAN ingin menyumbangkan huraian damai yang menyeluruh dan kekal kepada konflik Kampuchea. JIM yang diadakan di Bogor adalah suatu kesempatan bersejarah.

Sejarah apakah itu? Kita tunggu dan lihat. JIM telah bermula pada 25 Julai yang lalu di Bogor.

RALAT

BERITA di bawah tajuk 'Fahami tugas masing-masing' muka depan Pelita Brunei keluaran 20 Julai di para dua hendaklah dibaca "Tidak ada satu kementerian atau jabatan seharusnya beranggapan bahawa ianya adalah lebih penting dan utama daripada kementerian atau jabatan-jabatan yang lain," bukannya "tidak ada satu kementerian atau jabatan seharusnya beranggapan bahawa ianya adalah lebih kukuh....." — Penyunting.

Kekalkan disiplin serta etika kerja yang tinggi

Dari muka 2

orang ramai, khususnya bagi jabatan-jabatan yang selalu dihubungi oleh orang ramai. Dalam pada itu, beta sekali lagi menegaskan akan perlunya bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan untuk mengekalkan disiplin serta etika kerja yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Kerana disiplin bukan sahaja diperlukan di kalangan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, tetapi juga bagi

seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan dalam setiap jabatan termasuk disiplin pada mematuhi peraturan-peraturan berkerja dan peraturan-peraturan kerajaan pada amnya.

Bagi mengakhiri ucapan beta ini, marilah kita sama-sama berazam untuk terus memelihara suasana keamanan dan ketenteraman yang sedang kita nikmati ini bagi membolehkan kita melaksanakan usaha-usaha berkebakikan bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

rtb Intisari minggu ini

Dokumentari tempatan:

“KERJAYA DI BRUNEI SHELL”

SYARIKAT Brunei Shell Sendirian Berhad merupakan syarikat yang terbesar di negara ini, dan memainkan peranan yang penting dalam memperseimbangkan sosio-ekonomi negara. Dengan peranannya yang begitu besar kepada negara, peluang kerjaya kepada warga-negara amatlah menarik dan dibukakan dengan seluas-luasnya untuk mengisi jawatan-jawatan di semua peringkat di syarikat tersebut. Menjelang penggal pertama 1988, bilangan pekerja warganegara terus bertambah dari tahun ke setahun, iaitu lebih kurang 60 peratus. Melalui rancangan ini, dokumentari “KERJAYA DI BRUNEI SHELL” meneroka beberapa kegiatan yang ada hubung kait dengan perkembangan syarikat tersebut.

Rancangan ini akan disiarkan pada hari Jumaat, 29 Julai, 1988 kira-kira jam 9.55 minit malam.



TAYANGAN gambar bertajuk ‘Girl Happy’ akan dapat awda saksikan tayangannya pada 31 Julai bermula jam 2.50 minit petang. Filem tersebut dibintangi oleh pelakon utama Elvis Presley.

BILA kita memperkatakan mengenai dengan kritik, kita akan lebih tertumpu kepada reaksi dan juga karena mereka yang menerima kritik itu sendiri. Hal ini adalah merupakan suatu yang amat sensitif dan menggembirakan bagi golongan mereka yang memahami dan menghaja tidak mahu menerimanya. Bagi mereka yang tidak mahu menerimanya hal ini amat berat untuk diterima mereka, kerana pendirian dan kemahuan setiap mereka adalah dijadikan panduan yang betul dan terpakai. Keadaan ini agak berbeza dengan mereka yang bersikap terbuka, kritikan dijadikan landasan atau panduan untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan dan kemampuan diri mereka. Kerana sikap ini telah banyak membuahkan hasil yang memimpin mereka ke mercu kejayaan dalam kegiatan dan pekerjaan yang dilaksanakan. Mereka yang suka dikritik senang dan gembira bila ada kritikan ditujukan kepada mereka, kerana ia adalah pintu kemajuan dan cermin analisa diri dan ia juga dapat melahirkan keperbadan yang tinggi dan bermutu.

Bagaimanakah ragam kakitangan radio bila dikritik? Ini adalah merupakan keadaan yang ingin kita ketahui. Sebenarnya kritikan ini adalah merupakan asas penting bagi setiap kakitangan radio yang berkhidmat dalam bidang penyiaran itu sendiri. Kerana mereka adalah merupakan golongan yang tidak dapat lari dari semua golongan dan peringkat masyarakat, di mana masyarakat itu sendiri yang memainkan peranan memberikan sumbangan

Radio Minggu Ini:

KRITIK

kritik atau teguran kepada mereka. Kita sedia maklum pencapaian yang baik lagi bermutu tidak dapat kita capai, kalau cuma diri kita saja yang berperanan melalui kemahuan dan keinginan yang ada, dan ini banyak memerlukan sumbangan ataupun kerjasama erat dari orang di sekeliling kita itu sendiri.

Begitu jugalah dengan khidmat yang diberikan oleh pihak radio. Bangun dan rebananya sesebuah pertubuhan radio adalah bergantung kepada perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat pendengar yang dinilai dan dihayati melalui skop pandangan dan andaian masing-masing kita. Pendengar yang sekaligus bertindak sebagai penyumbang bahan-bahan rancangan adalah asas-asas radio untuk bergerak melalui penilaian dan teguran. Persembahan rancangan yang diadun adalah merupakan target dari sebahagian perkhidmatan yang disumbangkan oleh radio itu untuk dijadikan sukatan dalam menimbulkan reaksi dan respon pendengar.

Seperti di pertubuhan atau perkhidmatan radio yang sudah maju, mereka sebenarnya banyak mempelajari kelemahan dan juga kesilapan mereka dari sumbangan teguran dan kritikan pendengarnya. Dari teguran-teguran ini dijadikan landasan tegas memperbaiki keadaan meskipun pertembungan perasaan dan juga kemahuan mereka banyak mempengaruhi sikap dan nilai kerja yang disumbangkan.

Bagi perkhidmatan radio kita yang sudah pun mencapai usia 30 tahun ini, keadaan ini agak berbeza, kerana kita lebih mengamalkan sikap terbuka yang kita jadikan sebagai laluan ke arah pencapaian perkhidmatan rancangan yang lebih cemerlang. Meskipun keadaan ini belum sepenuhnya kita capai, tetapi sekurang-kurangnya dengan teguran dan sumbangan pemikiran dari pendengar itu sendiri kita sedang menuju ke tahap tersebut.

Sebenarnya sikap kita yang terbuka ini banyak membantu kita mengenalpasti akan kelemahan, kesilapan dan kelembapan kerja yang kita laksanakan. Apatah lagi keadaan ini akan lebih ketara pada setiap penerbitan rancangan-rancangan yang disiarkan melalui radio. Kepekaan pendengar kita, telah dapat meningkatkan keyakinan kita untuk mempertingkatkan mutu penerbitan rancangan yang disiarkan, kerana teguran dan kritikan itu telah dapat dijadikan penilaian terhadap keupayaan kita memberikan sumbangan.

Sebenarnya selama radio berperanan dalam memberikan khidmat baktinya, pendengar telah banyak memberikan bantuan yang amat berharga melalui teguran dan sumbangan pemikiran dan penyertaan pendengar itu sendiri. Dan kesan dari sumbangan ini menjadikan kita lebih rapat berperanan dan menyumbangkan khidmat kita dengan lebih berkesan. Sumbangan pemikiran dan

kritikan atau teguran pendengar ini sangatlah dihargai dan pihak radio akan terus mengalu-alukannya sebagai bekalan

tugas bagi kita menuju pencapaian yang baik dan cemerlang. Kita tidak akan dapat bergerak dan berkhidmat dengan lebih baik dan efisien tanpa adanya bantuan dan kerjasama dari masing-masing kita. Kerana itu apa

pun yang akan dicapai dan peningkatan yang kita perolehi adalah merupakan hasil dan sumbangan dari kita semua yang dapat berperanan sebagai penerima, penyumbang dan pemikir yang ingin kan kemajuan bersama.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Seria dan Kuala Belait. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 20 Julai, 1988.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.
7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan / pembinaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi hari Khamis 28 Julai, 1988. Bertempat di Bangunan Ibusawat Salar, Negara Brunei Darussalam.

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan / pembinaan.
9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.

JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Rancangan :
BAN0001

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A, B, atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi pemasangan - pembinaan Manholes, Joint Boxes, Laying Conduits & Cables, Erecting Poles & DP and Installing Aerial Cables.
3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 3 Ogos, 1988.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :

"BAN0001 - CONSTRUCTION OF CIVIL WORK AT BANGAR."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai tawaran bolehlah diperoleh dari pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, dengan cagaran tawar-

an \$1,000.000 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.
7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan / pembinaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.00 pagi hari Rabu 27 Julai, 1988. Bertempat di Pejabat Telekom, Bangar. (Berhampiran dengan Pejabat Daerah Lama).

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan / pembinaan.
9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 22 Ogos, 1988 bagi membekalkan perkara berikut :-

TAWARAN BIL. : 42/1988
Toilet Paper Roll, 2-Ply (100gm Roll) — 80,000 Nos

TAWARAN BIL. : 43/1988
Antiseptic - Germicide 'Dattol' No. 8 (250 ml) — 60,000 Bottles

TAWARAN BIL. : 44/1988
Scouring Powder 'Vim' 500gm — 50,000 Nos

TAWARAN BIL. : 45/1988
Soap Toilet, 100 gm 'LUX' — 50,000 Nos

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperoleh dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BIL.: PPL/MTB/170/1988

Tajuk kerja: SUPPLY AND INSTALL ELCB'S MEDICAL QUARTERS OF TUTONG DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'A', 'B' dan 'C' Wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/173/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR REWIRING OF S.R. BUKIT SAWAT, BELAIT DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'A', 'B' dan 'C' Wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/174/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR REWIRING OF S.R. SUNGAI LIANG, BELAIT DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'A', 'B' dan 'C' Wiring.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1.0 Nama projek:

Bilangan tawaran: JPK/04/1988

CADANGAN PEJABAT-PEJABAT BAGI BAHAGIAN SENIBINA DAN KEJURUTERAAN PEMBINAAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, JALAN TAPAK KUDA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 13 Julai hingga hari Selasa 2 Ogos, 1988.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "B" ke atas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Rabu 3 Ogos 1988 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/175/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR REWIRING OF S.R. LUMUT, BELAIT DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'A', 'B' dan 'C' Wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/176/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR 1 BLOCK 2 UNITS CLASS 'F' QUARTER AT SRK BOKOK TEMBURONG, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'B' atau 'C' Wiring sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/177/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED PRIMARY SCHOOL AT KAMPONG MATA-MATA, PERPINDAHAN, GADONG, BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 10 Ogos,

1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong Kelas 'A', 'B' dan 'C' Wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/179/1988

Tajuk kerja: PEMASANGAN LIF BAGI MENARA KAWALAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.

Cengkeram: \$200.00

Tarikh tutup: 17 Ogos, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang disahkan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/134/1988

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA-DINGIN JENIS CENTRAL DI POWER STESEN GADONG, STOR NEGARA GADONG, PENGANGKUTAN DARAT, DAN STOR SYARIKAT KEMAJUAN KERJASAMA, IBU PEJABAT POLIS GADONG, MES PEGAWAI, 2ND RUB & MRU, KOMPLEKS SUKAN, PUSAT LATIHAN TUNGKU, DAN STESEN POLIS LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$200.00

Tarikh tutup: 22 Ogos, 1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A', 'B', dan 'C', Hawa-Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/92/1988

Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR REWIRING OF EXISTING AUTOMATIC EXCHANGE BUILDING AT BANDAR SERI BEGAWAN.

Cengkeram: \$100.00

Tarikh tutup: 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Ogos, 1988.

Tempat tutup: Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A' atau 'B' Electrical wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/128/1988

Tajuk kerja: KERJA-KERJA MEREWINDING UNTUK FAN MOTOR COMPRESSOR DAN MOTOR PUMP UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN

ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Ogos, 1988.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang berkemahiran.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/129/1988

Tajuk kerja: MEMBEKAL FREON GAS (REFRIGERANT GAS) KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, BAHAGIAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN BANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Cagaran: \$100.00.

Tarikh tutup: 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Ogos, 1988.

Tempat tutup: Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang berkemahiran.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/155/1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong Penanaman Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran 'Mini Tender' yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 3 Ogos, 1988 bagi kerja-kerja berikut: —

ELECTRICITY SUPPLY TO TUNGKU LANDLESS CITIZENS SCHEME PHASE I (PART III) SERVICE CABLE LAYING.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00

BIL.: PPL/MTB/180/1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya Kelas 'C', sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran 'Mini Tender' yang beralamat di Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 3 Ogos, 1988 bagi kerja-kerja berikut: —

REPLACEMENT OF CHAIN-LINK PERIMETER FENCING ETC AT MUARA 66KV SUBSTATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$200.00

JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Rancangan: BAN0002

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi pemasangan / pembinaan Manholes, Joint Boxes, Laying Conduits & Cables, Erecting Poles & DP and Installing Aerial Cables.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 3 Ogos, 1988.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan hanya bertanda "BAN0002 — CONSTRUCTION OF CIVIL WORK AT RATAIE RSLU."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$400.00 yang mana cagaran ini akan di-

kembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang diwajibkan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi hari Rabu 27 Julai, 1988. Bertempat di Pejabat Telekom, Bangar. (Berhampiran dengan Pejabat Daerah Lama).

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Ogos, 1988 bagi membekalkan "MEJA MAKAN (DINING TABLE)".

Butir-butir lanjut boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa di waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkataan "MEJA MAKAN (DINING TABLE)". Sampul surat tersebut hendaklah diletakkan kepada: —

Pengerusi Lembaga

Tawaran,
Tingkat 4, Bangunan
Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan 1130,
Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN adalah dipelawa daripada yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor pendaftaran Siri KE 1505 hingga KE 2000.

Brunei Jalan Gadong/Kuala Belait.

Bilangan pendaftaran ke- luaran BJ yang diiklankan.

Tawaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei, Jalan Gadong/Kuala Belait dengan menyatakan butir-butir berikut: —

- Nombor pendaftaran yang dipohonkan.
- Harga Tawaran
- Nama Penuh dan Alamat
- Nombor Kad Pengenal-an dengan menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak \$25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" x 9" dan catatannya "TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut.

Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah tidak kurang dari \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) bagi tiap-tiap satu tawaran.


Borang Tawaran dan butir-butir mengenai perkara ini boleh didapati daripada Jabatan Pengangkutan Darat

KE	KE
1505	1786
1515	1788
1525	1800
1551	1808
1555	1818
1575	1828
1588	1838
1588	1848
1600	1858
1606	1868
1616	1878
1626	1881
1661	1888
1665	1898
1666	1900
1668	1909
1678	1919
1688	1929
1698	1939
1690	1949
1700	1959
1707	1968
1717	1969
1728	1981
1747	1988
1757	1989
1767	1991
1768	1998
1771	1999
1777	2000

Peringatan: TAWARAN bermula dari 27 Julai, 1988 dan tarikh tutup pada 11 Ogos, 1988, jam 12.00 tengah hari.



“Kami yakin kerjaya ABDB menjamin masa depan”



Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkihah
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg, tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Dayang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Dayang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut, dan Bisaya.

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Ketetapan harga-harga kereta Suzuki dan Nissan Bluebird

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta "SUZUKI dan NISSAN BLUEBIRD" yang dijual dari Syarikat Boustead Sendirian Berhad yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini seperti berikut :-

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price on The Road)
Suzuki SA413 GT Model: HEJ 438 HRAJROI Radio/Cassette; Side Mirrors; Rear Defogger; Headrest; Clock; Spoiler; etc.	\$15,100.00	\$15,804.00
Suzuki SA413GTI Model: HEJ574 HRAAT61 Radio/Cassette; Side Mirrors; Headrest; Clock; Seatbelts; Rear Defogger; Spoiler; etc.	\$18,300.00	\$19,090.00
Suzuki SJ413 JX Model: GME 424 KPJEXOI Radio; Side Mirrors; Rear Defogger; Headrest; Clock; Alloy Wheel; etc.	\$20,300.00	\$21,147.00
Suzuki SA413 GLX (Manual) Model: HEN 434 HRCHGOI Radio/Cassette; Power Window; Side Mirrors; Rear Wiper Rear Defogger; Headrest; Clock; etc	\$14,350.00	\$14,970.00
Suzuki SA413 GLX (Auto) Model: HEN 454 HRKJSOI Radio/Cassette; Power Window; Side Mirrors; Rear Wiper; Rear Defogger; Headrest; Clock; etc.	\$18,750.00	\$19,500.00
Suzuki SA413 GXI 5-DRS Model: HEN 574 HRAAL61 Radio/Cassette; Remote Control; Door Mirrors; Clock; Safety Belts; Rear Defogger; Headrest and wheel cover	\$17,650.00	\$18,440.00
Nissan Bluebird 1.8 LE Sedan (Manual) Model: Yu 12 DFUC 21 Aircondition; Power Steering; Radio/Cassette AM/FM Multi W/ET + 2 Speakers + Deck; Manual Door Lock; Digital Clock with Calender; Safety belts STD 3 PT ELR 2; Tinted Glass; Cig. Lighter; etc.	\$23,600.00	\$24,541.00
Nissan Bluebird 1.8 SE SALOON (Automatic) Model: Yu 12 HAUC 23 Aircondition; Power Steering; Radio/Cassette AM/FM Multi W/ET + 2 Speakers + Deck; Manual Door Lock; Digital Clock With Calender Safety Belts STD 3 PT ELR 2 Tinted Glass; Cig. Lighter; etc.	\$25,400.00	\$26,367.00
Nissan Bluebird 2.0 Super Select (Automatic) Model: UU 12 LAEUC 22 Aircondition; Power Steering; Power Window; Auto Door Lock; Power Antenna; Radio/Cassette AM/SW/FM; Multi W/ET + 4 Speakers + Deck; Digital clock with Calender; Safety Belts; STD 3 PTEL 3; Rear Defogger; Tinted/Limited Glass; Mudguard, Gig Lighter; etc.	\$31,250.00	\$32,337.00

Orang ramai bolehlah menghubungi Pegawai Harga atau pegawai yang berkenaan dengan Nomor Telefon 25555 atau 41910, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

SENARAI POSKOD BAGI SEKOLAH-SEKOLAH

Sambungan dua minggu lalu

- | | |
|---|---|
| 27. Jalan Maharaja Setia
Belait 6085 | 57. Sekolah Rendah Pintu Malim
Bandar Seri Begawan 2096 |
| 28. Jalan Paduka Tuan
Belait 6085 | 58. Sekolah Rendah Puser Ulak
Bandar Seri Begawan 2089 |
| 29. Jalan Sultan Sulaiman
Belait 6082 | 59. Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah
Bandar Seri Begawan 2091 |
| 30. Jalan Laksamana
Belait 6082. | 60. Sekolah Rendah Saba Darat
Brunei 2483. |
| 31. Universiti Brunei Darussalam
Brunei 3186 | 61. Sekolah Rendah Sungai Kebun
Brunei 2484. |
| 32. Maktab Duli Pengiran Muda Al-
Muhtadee Billah,
Brunei 3186. | 62. Sekolah Rendah Sungai Siamas
Brunei 2484. |
| 33. Maktab Sains Paduka Seri Begawan
Sultan,
Brunei 3680. | 63. Sekolah Rendah Amar Pahlawan
Brunei 3782 |
| 34. Sekolah Menengah SMJA
Bandar Seri Begawan 2091. | 64. Sekolah Rendah Anggerek Desa
Brunei 3786 |
| 35. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin,
Bandar Seri Begawan 2091. | 65. Sekolah Rendah Batu Marang
Muara 4282. |
| 36. Sekolah Menengah Awang Semaun,
Brunei 2484. | 66. Sekolah Rendah Datu Gandi
Brunei 2284. |
| 37. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri
Bandar Seri Begawan 2093 | 67. Sekolah Rendah Dato Mahawangsa
Brunei 3580 |
| 38. Sekolah Menengah Berakas,
Brunei 3680 | 68. Sekolah Rendah Delima Satu
Brunei 3786 |
| 39. Sekolah Menengah Menglait,
Brunei 3180 | 69. Sekolah Rendah Haji Muhammad
Salleh
Brunei 3890 |
| 40. Sekolah Menengah Serasa,
Muara 4084 | 70. Sekolah Rendah Mentiri
Brunei 4284. |
| 41. Sekolah Menengah Sufri Bolkiah
Tutong 5080 | 71. Sekolah Rendah Orang Kaya Besar
Imas
Brunei 2180 |
| 42. Sekolah Menengah Muda Hashim
Tutong 5080 | 72. Sekolah Rendah Pengkalan Tentera
Laut,
Muara 4088 |
| 43. Maktab Anthony Abell,
Seria 7087 | 73. Sekolah Rendah Pulaie
Brunei 3786 |
| 44. Sekolah Menengah Kiudang
Tutong 5580 | 74. Sekolah Rendah Serasa
Muara 4084 |
| 45. Sekolah Menengah Perdana Wazir,
Kuala Belait 6085 | 75. Sekolah Rendah Abdul Bubin
Muara 4290 |
| 46. Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin,
Kuala Belait 6080 | 76. Sekolah Rendah Sultan Umar Ali
Saifuddin
Muara 4080 |
| 47. Sekolah Menengah Mumong
Kuala Belait 6680 | 77. Sekolah Rendah Tanah Jambu
Muara 4195 |
| 48. Sekolah Rendah Datu Godam
Bandar Seri Begawan 2083. | 78. Sekolah Rendah Awang Haji Muham-
mad Yusof
Brunei 2986 |
| 49. Sekolah Rendah Datu Ahmad
Brunei 2480. | 79. Sekolah Rendah Bendahara Sakam
Bunut
Brunei 2690 |
| 50. Sekolah Rendah Haji Tarif
Bandar Seri Begawan 2080. | 80. Sekolah Rendah Bengkurong
Brunei 2980 |
| 51. Sekolah Rendah Bendahara Lama
Bandar Seri Begawan 2081 | 81. Sekolah Rendah Haji Muhammad
Jafar Maun
Jalan Putra Al-Muhtadee Billah
Brunei 3184 |
| 52. Sekolah Rendah Lela Menchanai,
Brunei 2483. | 82. Sekolah Rendah Jerudong
Brunei 2880 |
| 53. Sekolah Rendah Mabohai,
Bandar Seri Begawan 2092 | 83. Sekolah Rendah Kampong Mata-
Mata
Brunei 3280 |
| 54. Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil,
Brunei 2482. | 84. Sekolah Rendah Kiarong
Brunei 3186 |
| 55. Sekolah Rendah Pengiran Anak
Puteri Besar,
Brunei 2482. | 85. Sekolah Rendah Mulaut
Brunei 2780 |
| 56. Sekolah Rendah Pengiran Digadong
Haji Mohammad Salleh
Bandar Seri Begawan 2083. | |

Bersambung

Peluang ke suku akhir cerah JIKA MENANG DI 'KANDANG SENDIRI'

KEMENANGAN di tiga perlawanan dalam 'kandang sendiri' bulan depan akan mencerahkan sedikit harapan untuk memasuki peringkat suku akhir kejohanan bolasepak Piala Malaysia tahun ini.

Bagaimanapun tiga perlawanan iaitu menentang Johor pada 5 Ogos, menentang Kelantan 8 Ogos dan Sabah 12 Ogos di tempat sendiri itu bukanlah semudah yang dijangkakan kerana

mereka juga mempunyai matlamat yang sama sekalipun mereka bermain di tempat lawan.


Jadinya untuk mencapai matlamat agar terlaksana, maka pengurus pasukan, Awang Ajimain Abdullah merancang akan mempertajamkan lagi barisan serangan dalam usaha mencari banyak gol.

"Nampaknya sepanjang lima perlawanan setakat ini,

barisan penyerang kita masih lagi 'tumpul' dan kami sedang berusaha mencari pemain-pemain yang benar-benar berkelibar untuk mengatasi masalah di bahagian itu. Bagaimanapun, penyerang kita yang ada sekarang nampaknya semakin meningkat," ujarnya.

Mengulas di bahagian tengah dan pertahanan pula, kedua bahagian itu tidak membimbangkan dan untuk memperkukuhkannya lagi dua orang pemain pertahanan tahun lalu akan membarisi skuad ini iaitu Yusli Yusof dan Zakaria Tuah.

"Setakat ini barisan tengah dan pertahanan cukup mantap di mana barisan tengah boleh dikendalikan oleh mana-mana pemain seperti Faisal Eusof, Zainuddin Kasim, Ali Rashid dan Ak. Momin Pengiran Ahmad manakala barisan pertahanan kita mempunyai banyak pilihan seperti Salleh Haji Ahmad, Liew Chuan Fue, Japari Samad, Aji Hussien, Ishak Haji Kabun dan dua pemain yang akan diserapkan iaitu Yusli Yusof dan Zakaria Tuah," jelasnya.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ketika bersedia untuk membuat pukulan dalam Kejohanan Billiards Snooker Pesta Sukan Kebangsaan. — Gambar oleh Harun Rashid.



Kelolaan Ahat Haji Ismail

BELIA & SUKAN

Memasuki peringkat separuh akhir

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berjaya memasuki peringkat separuh akhir Kejohanan Billiards Snooker Pesta Sukan Kebangsaan 1988 setelah menundukkan Joo Choo, dua frame di Goldash Snooker House, di Gadong malam Ahad lalu.

Dalam frame pertama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah memperolehi 49 mata manakala Joo Choo hanya mampu meraih 13 mata.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bermain begitu cemerlang dalam frame pertama dengan berjaya memasukkan banyak bola melalui jarak jauh dan dekat dan seterusnya menamatkan pusingan frame pertama itu dalam masa 25 minit saja.

Bagaimanapun dalam awal frame kedua Joo Choo mula memperlihatkan kesungguhannya. Dalam waktu yang sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah juga memperlihatkan prestasi yang baik. Kedua pemain bermain berhati-hati tetapi di pertengahan frame kedua itu, Joo Choo gagal mengekalkan rentak permainannya, sebaliknya banyak melakukan kesilapan demi kesilapan yang membawa kepada pengurangan mata.



FAISAL Eusof nyaris-nyaris terkena batu. Sementara Ibrahim Bakar bermain sungguh cemerlang sekalipun sering diganggu oleh penyokong-penyokong Sarawak.



Perlawanan badminton

PERSATUAN Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam akan menganjurkan perlawanan badminton terbuka bagi para pemain badminton di Daerah Brunei-Muara.

Borang-borang penyertaan boleh diperolehi dari Awang Md. Noor bin Ahmad, Dewan Sekolah Menengah SMJA; Awang Yaakub bin Tengah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; Awang Md. Yusof bin Sahari, Kompleks Sukan JKR; Awang Leong Siong Cheong, Unit Perancang Ekonomi dan Awang Abdul Salam bin Salleh, 401, 402, 403 Bangunan Guru-guru Melayu Brunei, Bandar Seri Begawan.

Keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Abdul Rahman bin Pengarah Di-Gadong Haji Abu Bakar (Setiausaha Perlawanan), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Bandar Seri Begawan 1120.

Borang pendaftaran yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 5 Ogos, 1988.

Pertemuan Brunei Darussalam, Sarawak Penyokong bertindak liar

KUNJUNGAN skuad negara ke Sarawak bagi mengharungi kempen bolasepak siri Piala Malaysia menerima 'layanan buruk', apabila penyokong-penyokong pasukan tuan rumah itu bertindak 'liar' dan berkelakuan tidak 'senonoh'.

Layanan mereka terhadap 'tetamu' mereka yang bertandang ke Stadium Negeri di Petra Jaya Kuching minggu lalu amat 'menggairkan' dan sekaligus dicap sebagai penyokong 'liar'.

Ketidaksopanan penyokong-penyokong yang bertindak 'liar' membalas pemain-pemain dan pegawai-pegawai di padang itu sudah cukup mencerminkan bahawa 'identiti' penyokong di situ tidak mempunyai 'disiplin'.

Menurut seorang pegawai BAFA yang menyertai rombongan skuad negara ke Kuching, memberitahu bahawa penyokong-penyokong itu mula bertindak 'liar' disebabkan mereka merasa hampa kerana kesebelasan pemain negara ber-

main sungguh cemerlang, mematahkan setiap serangan-serangan bahaya dari pasukan Bumi Kenyalang.

"Boleh dikatakan Ibrahim Bakar merupakan 'man of the match' pada malam itu di mana dia bertindak sungguh cemerlang menyelamatkan banyak percubaan penyerang-penyerang Bumi Kenyalang," komen pegawai itu.

Disebabkan kegagalan penyerang-penyerang pasukan mereka menembusi pintu gol kita jelas pegawai itu, maka penyokong-penyokong itu 'naik minyak' dan mula 'bertindak liar' dengan mengganggu suasana perlawanan dengan membalikan pelbagai benda-benda termasuk batu kepada pemain-pemain dan pegawai-pegawai.

"Sepanjang perlawanan para penyokong itu melontarkan berbagai benda termasuk batu ke arah kami bagi mengganggu permainan. Lebih daripada itu, mereka telah memasukkan najis 'air kencing' ke dalam plastik dan

melontarkannya ke arah penjaga gol kita Ibrahim Bakar," terang pegawai itu sungguh-sungguh.

"Selain bertindak begitu, penyokong-penyokong tersebut juga berani turun ke dalam padang bertindak lebih ganas lagi dengan menarik jaring pintu gol kita dan selanjutnya 'merampas' beg sarung tangan kepunyaan penjaga gol Ibrahim Bakar sambil berteriak-teriak dan melambung-lambungkannya ke udara dengan mengatakan bahawa beg itu mempunyai pawang," terang pegawai itu lagi.

Pegawai itu juga turut menyesal atas tindakan salah seorang ahli jawatankuasa perlawanan yang turut terlibat dengan 'gerakan ganas' penonton itu yang menurutnya tidak patut dilakukan oleh seorang ahli jawatankuasa perlawanan.

Kata pegawai itu lagi, "Saya amat menyesali terhadap penglibatan salah seorang ahli jawatankuasa perlawanan yang turut melibatkan diri mencam-

puri tingkah-laku penyokong-penyokong mereka."

Keganasan penyokong-penyokong itu mendorong para pemain Bumi Kenyalang bermain secara 'robust' dan mempergunakan tackle-tackle kasar dan bahaya terhadap skuad negara sementara pengadil perlawanan dari Selangor, S. Balakrishnan dalam ketakutan dan gagal berlaku adil di mana hadiah sepakan penalti yang diberikannya kepada pasukan Bumi Kenyalang itu tidak sepatutnya dilakukan.

Bagaimanapun, menurut pegawai itu, pemain-pemain skuad negara tetap bermain dengan tenang sekalipun sering diancam oleh penyokong-penyokong dengan kata-kata kesat.

Sebelum ini, pada tahun lalu penyokong-penyokong pasukan Bumi Kenyalang itu juga pernah merempuh ke padang melakukan kekacauan.

Bersukan membentuk disiplin penuntut

PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Othman Awang Damit menyeru murid-murid dan penuntut-penuntut supaya sentiasa memupuk semangat cintakan agama, bangsa dan negara serta taat kepada raja.

Katanya, "Agama Islam menuntut supaya kita bersatu padu dan mengamalkan perpaduan bagi memelihara dan merapatkan perpaduan."

Berucap semasa merasmikan Peraduan Senaman dan Olahraga Sekolah-sekolah Rendah Peringkat Negara kali kedua bertempat di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong seterusnya berkata bahawa kita hendaklah taat

kepada ketua manakala murid-murid taat dan patuh kepada guru-guru.

Taat yang dimaksudkan oleh beliau itu ialah taat dalam perkara-perkara yang berkebaikan dan tidak melanggar ajaran-ajaran agama Islam.

Selain daripada itu, beliau juga menasihatkan murid-murid supaya tidak bersikap seperti Si Pugu atau perosak, sebaliknya pula sentiasa bersifat jujur dan amanah.

Terdahulu sebelum itu, Pegawai Daerah itu mengharapakan agar semangat kesukanan dan bersenam itu akan sentiasa diteruskan se-

bagai satu latihan jasmani bagi membentuk disiplin murid-murid dan penuntut.

Di samping itu menurutnya, "Murid-murid dan penuntut akan sentiasa memupuk sepenuh perhatian kepada tanggungjawab mereka selaku generasi yang masih memerlukan bimbingan dari guru-guru mereka, yang juga sama-sama bertanggungjawab untuk membangun negara yang tercinta."

lapan buah sekolah rendah dari seluruh negara yang menjuarai bahagian-bahagian peringkat awal menyertai pertandingan akhir Peraduan Senaman dan Olahraga

Sekolah-sekolah Rendah di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong pada hari Sabtu lepas.

Peraduan bersempena sambutan perayaan hari ulangtahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu diselenggarakan oleh Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai.

Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar dari Brunei I muncul sebagai juara. Naib juara ialah Sekolah Rendah Puni dari Temburong dan tempat ketiga ialah Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya dari Tutong 1.



JUARA Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar muncul sebagai juara acara senaman. — Gambar oleh Halim Sulaiman.

Amalkan disiplin dan etika kerja yang tinggi — titah

KUALA BELAIT, 26 Julai. — Para pegawai dan kakitangan kerajaan dan pihak swasta di daerah ini diingatkan untuk mengamalkan disiplin dan etika kerja yang tinggi serta lebih dedikasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan jujur dan amanah.

Ini adalah penting, menurut baginda sejajar dengan usaha-usaha kerajaan untuk memajukan bidang perindustrian yang terus diteliti bagi menjamin kemandirian ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian di Istiadat Mengadap di Dewan Kemasyarakatan di sini sempena sambutan hari keputeraan baginda yang ke-42 tahun bagi Daerah Belait.

"Sebagai sebuah daerah yang kaya dengan sumber alamnya, kerajaan beta akan mengambil langkah-langkah yang positif bagi meningkatkan perindustrian perkayuan dan pembukaan ladang hutan dengan lebih sempurna dan berkesan iaitu sebagai salah satu usaha kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi negara," titah baginda.

Terdahulu sebelum itu, baginda bertitah bahawa salah satu rancangan yang telah dan sedang dijalankan di daerah ini ialah projek pembekalan air, iaitu pembekalan air ke Kuala Belait, Sungai Liang dan Sungai Teraban yang kesemuanya menelan belanja sebanyak \$51 juta.

Baginda berharap agar pembekalan air itu tidak saja dapat menampung keperluan penduduk di daerah ini tetapi juga dapat menjamin tahap kesihatan rakyat dan penduduk.

Menyentuh mengenai para belia, baginda menekankan

Oleh Bolhassan HAB

betapa pentingnya untuk generasi pada masa ini khususnya penuntut-penuntut supaya akan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang-bidang yang diperlukan baik dalam mahupun luar negeri.

Baginda menegaskan generasi pada masa kini memikul tang-

gungjawab dalam memelihara, menjamin keamanan dan ketenteraman negara yang berterusan serta kedudukan taraf hidup yang sedang kita nikmati pada masa ini.

Keadaan ini hanya akan terjamin jika Negara Brunei Darussalam, titah baginda, dapat melahirkan tenaga manusia yang berkelayakan dan berkemampuan serta bercita-cita tinggi dan mengekalkan ciri-ciri kebruneian di dalam kehidupan seharian.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anak damit yang memenangi bahagian A, Marlina binti Mamit. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Berangkat ke Majlis Peraduan Kanak-Kanak Sihat

BANDAR SERI BEGAWAN 22 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Peraduan Kanak-Kanak Sihat yang berlangsung di Pusat Belia, di ibu negara, Jumaat lepas.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di upacara tersebut juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang. Dalam bahagian A, kanak-

kanak yang berumur di antara enam bulan hingga 12 bulan telah dimenangi oleh Marlina binti Mamit, tempat kedua Dk. Ratna Saerah binti Pg. Hashim dan tempat ketiga dimenangi oleh Mohammad Khairuddin bin Mohd. Ali.

Dalam bahagian B iaitu kanak-kanak yang berumur 12 hingga 18 bulan, johan dimenangi oleh Noorsaadah binti Haji Abd. Rani. Johan bahagian C iaitu kanak-kanak yang berumur 18 bulan hingga 24 bulan, jatuh kepada Muhammad Suhardilah bin Noraziz sementara johan bahagian D iaitu bagi anak-anak kembar yang berumur 6 hingga 24 bulan telah dimenangi oleh Ak. Mohammad Zairuddin dan Ak. Mohammad Zainalabidin bin Pengiran Junaidi.

Di samping itu Peraduan Kanak-kanak Sihat juga telah memilih tiga pemenang bagi anak-anak damit yang dilahirkan pada 15 Julai, 1987.

Sambungan dari muka I

Suasana keamanan dan ketenteraman itu, tegas baginda, telah membolehkan kerajaan baginda melaksanakan pelbagai rancangan kemajuan bagi faedah rakyat dan penduduk di Daerah Tutong termasuk Rancangan Perumahan Negara, di Bukit Beruang.

Sehubungan dengan itu, baginda menegaskan bahawa di dalam melaksanakan sesuatu rancangan kemajuan ia adalah dinilai dan dilaksanakan menurut keutamaannya dengan tidak membezakan antara satu kawasan atau daerah dengan kawasan atau daerah yang lain.

"Marilah kita sama-sama berazam untuk terus memelihara suasana keamanan dan ketenteraman yang sedang kita nikmati ini bagi membolehkan kita melaksanakan usaha-usaha berkeadilan bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini," titah baginda.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat ke Bogor, Republik Indonesia pada hari Ahad bagi menghadiri Mesyuarat Informal Jakarta. Berang-

kat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah. Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung ziarah oleh pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sejurus sebelum berangkat. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan menyampaikan hadiah kepada Awang Mohamad Harandi bin Haji Buntar yang telah terpilih sebagai pemenang gambar terbaik dalam bahagian A.

AMALKAN SIKAP JUJUR DAN AMANAH DALAM MENJALANKAN TUGAS

Pameran Fotografi

BERAKAS, 22 Julai. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berangkat merasmikan Pameran Fotografi 1988 di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan kepada 60 orang pemenang dan seterusnya dijunjung menyaksikan pameran.

Pameran Fotografi 1988, dianjurkan oleh Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Kebajikan, Belia dan

Sukan sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-42 tahun.

Sebanyak 140 keping gambar telah dipamerkan. Gambar-gambar tersebut adalah hasil 87 orang juru-gambar dari Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dan peminat fotografi dari Sabah dan Sarawak.